

**MUZIUM SULTAN ALAM SHAH SEBAGAI INSTITUSI  
PENDIDIKAN TIDAK FORMAL KEPADA GENERASI  
MUDA: SATU KAJIAN KES**

**HIDAYATI FARIZAH BINTI OTHMAN**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2024**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**KAJIAN MENGENAI MUZIUM SULTAN ALAM SHAH SEBAGAI  
INSTITUSI PENDIDIKAN TIDAK FORMAL KEPADA GENERASI  
MUDA: SATU KAJIAN KES**

Oleh

**HIDAYATI FARIZAH BINTI OTHMAN**

Projek Penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi syarat kelayakan bagi

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2024**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

**SULIT**

Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan:

*Hidayati*

000726101522

Tarikh: 29/2/2024

Tandatangan Penyelea Utama:

\_\_\_\_\_

DR. AINUL WAHIDA BINTI RADZUAN

Tarikh:

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan bersyukur saya ke hadrat Allah kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat saya menjayakan projek penyelidikan akhir ini mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada keluarga saya kerana telah memberikan sokongan dan nasihat sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Malaysia Kelantan terutamanya dalam melaksanakan tugas Projek Penyelidikan ini. Tidak lupa juga terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Ainul Wahida Binti Radzuan kerana tidak pernah jemu dalam membantu, memberikan dorongan, bimbingan dan tunjuk ajar serta memberikan idea sepanjang penyelidikan ini dilaksanakan.

Akhir kata, jutaan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan dan semua pihak yang secara langsung ataupun tidak langsung terlibat dalam membantu saya menyempurnakan projek penyelidikan ini. Segala kerjasama, jasa dan sokongan kalian semua amatlah dihargai. Semoga kajian yang telah dijalankan ini juga mampu memberikan manfaat kepada orang lain.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# **MUZIUM SULTAN ALAM SHAH SEBAGAI INSTITUSI PENDIDIKAN TIDAK FORMAL KEPADA GENERASI MUDA DI SHAH ALAM**

## **ABSTRAK**

Muzium adalah tempat penyimpanan artifak dan koleksi sejarah yang mempamerkan warisan dan adat terdahulu. Muzium juga mampu memberikan pendidikan tidak formal kepada pengunjung. Walau bagaimanapun, pendidikan di muzium tidak dapat dijalankan sekiranya pengunjung tidak berkunjung ke muzium. Hal ini kerana, pengunjung mempunyai persepsi bahawa muzium merupakan sebuah tempat yang membosankan. Justeru, penyelidikan ini bertujuan untuk mengetahui peranan Muzium Sultan Alam Shah sebagai institusi pendidikan tidak formal kepada generasi muda. Kajian ini mempunyai tiga objektif utama iaitu mengenal pasti koleksi pameran dan objek yang menjadi tarikan generasi muda di Muzium Sultan Alam Shah, mengkaji jenis-jenis maklumat yang diterima oleh generasi muda melalui lawatan di Muzium Sultan Alam Shah dan menganalisis aktiviti yang dijalankan oleh pihak muzium dalam memberikan pendidikan tidak formal kepada generasi muda. Kajian ini menggunakan pendekatan campuran melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan tinjauan dengan menggunakan rekabentuk kajian kes. Kajian ini telah menemu bual seramai lapan orang informan dan 309 orang responden yang menjawab soal selidik. Kajian ini juga menggunakan analisis data tematik bagi pendekatan kualitatif dan analisis data deskriptif bagi pendekatan kuantitatif. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa muzium mempunyai pelbagai tarikan melalui koleksi pameran dan objek yang pelbagai, Selain itu, maklumat yang diterima oleh pengunjung juga merupakan maklumat yang tidak diperolehi melalui pembelajaran di sekolah. Akhir sekali, aktiviti yang dijalankan di muzium bukan sahaja mampu menarik minat pengunjung malah melalui aktiviti ini juga pengunjung dapat mempelajari perkara baru. Oleh itu, kajian ini penting untuk dijadikan sebagai sumber bagi penyelidik tentang kepentingan Muzium Sultan Alam Shah sebagai institusi pendidikan tidak formal kepada generasi muda

Kata Kunci: Generasi Muda, Institusi, Muzium, Pendidikan Tidak Formal

# MUSEUM SULTAN ALAM SHAH AS INFORMAL EDUCATIONAL INSTITUTION TOWARD YOUNG GENERATION IN SHAH ALAM

## ABSTRACT

Museum is a place for storing artifacts and historical collections that showcase heritage and past customs. Museums also have the potential to provide informal education to visitors. However, museum education cannot be conducted if visitors do not come to the museum. This is because visitors perceive museums as boring places. Therefore, this research aims to understand the roles of the Muzium Sultan Alam Shah as an informal educational institution for the younger generation. This study has three main objectives: identifying exhibition collections and objects that attract the younger generation at the Muzium Sultan Alam Shah, examining the types of information received by the younger generation through visits to the Muzium Sultan Alam Shah, and analysing the activities carried out by the museum in providing informal education to the younger generation. This study used a mixed-method approach through interviews, observations, and surveys using a case study design. The study conducted interviews with eight informants and surveyed 309 respondents who answered questionnaires. Thematic data analysis was used for the qualitative approach, and descriptive data analysis was used for the quantitative approach. The results of this study found that the museum has various attractions through diverse exhibition collections and objects. Additionally, the information received by visitors is not typically obtained through school learning. Finally, activities conducted in the museum not only attract visitors' interest but also allow visitors to learn new things. Therefore, this study is important to be used as a resource for researchers regarding the importance of the Muzium Sultan Alam Shah as a non-formal educational institution for the younger generation.

Keywords: Informal Education, Institution, Museum, Younger Generation

## ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
<b>PERAKUAN TESIS</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>ISI KANDUNGAN</b>	v-viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI RAJAH</b>	x
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.0 Pengenalan	1-3
1.1 Permasalahan Kajian	3-4
1.2 Objektif Kajian	5
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Skop Kajian	6-7
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.5.1 Generasi Muda	7-8
1.5.2 Pihak Muzium	8
1.5.3 Penyelidik	9
1.6 Lokasi Kajian	9-11
1.7 Struktur Projek Penyelidikan	11-12

**BAB 2: KAJIAN LITERATUR**

2.0 Pengenalan	13
2.1 Maksud Muzium	14
2.2 Sejarah Muzium Di Malaysia	15
2.2.1 Muzium Negara	16
2.3 Jenis-jenis Muzium	16-17
2.4 Fungsi Muzium	18
2.4.1 Pengumpulan Koleksi Muzium	19
2.4.2 Penyimpanan Artifak	19
2.5 Peranan Pihak Muzium	20-21
2.6 Muzium Sultan Alam Shah	22
2.6.1 Pameran Dan Objek Yang Ada Di Muzium Sultan Alam Shah	23-24
2.7 Pengunjung Di Muzium	24-25
2.7.1 Jenis-jenis Pengunjung Di Muzium	25-26
2.7.2 Faktor Kedatangan Pengunjung Ke Muzium	26
2.7.3 Pendidikan Dalam Muzium	27
2.7.4 Tarikan Muzium Kepada Generasi Muda	28
2.8 Teori Pembelajaran	29-30
2.9 Kesimpulan	30

**BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN**

3.0 Pengenalan	31
3.1 Pendekatan Kajian: Pendekatan Campuran	31-32
3.1.1 Pendekatan Kualitatif	32



3.1.2 Pendekatan Kuantitatif	33
3.2 Rekabentuk Kajian	33
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	33-36
3.4 Sumber Data	36
3.4.1 Data Primer	36-37
3.4.2 Data Sekunder	37-38
3.5 Alat Bantu Kajian	38
3.6 Pensampelan Kajian	38-41
3.7 Analisis Data	41-46
3.8 Kesimpulan	46
<b>BAB 4: DAPATAN KAJIAN</b>	
4.0 Pengenalan	47-48
4.1 Demografi Responden	48-52
4.2 Kekerapan Pengunjung Datang Ke Muzium	52-53
4.3 Faktor Kedatangan Pengunjung Ke Muzium	53-58
4.4 Koleksi Pameran Dan Objek Yang Terdapat Di Muzium Sultan Alam Shah	58-60
4.5 Pameran Yang Menjadi Tarikan Pengunjung Di Muzium Sultan Alam Shah	60-62
4.6 Pengetahuan Dan Maklumat Yang Diterima Oleh Pengunjung	62
4.7 Pendidikan Tidak Formal Yang Diterima Oleh Pengunjung	62-65
4.8 Keberkesanan Pengetahuan Yang Diterima Oleh Pengunjung	65-66
4.9 Aktiviti Yang Dijalankan Di Muzium Sultan Alam Shah	66-68
4.10 Kesimpulan	69

**BAB 5: KESIMPULAN**

5.0 Pengenalan	70
5.1 Rumusan	70-72
5.2 Dapatan Utama	72-73
5.3 Cadangan	73
5.3.1 Kajian Akan Datang	73-74
5.3.2 Mewujudkan Pameran Alam Maya	74
5.3.3 Mengadakan Program Malam Di Muzium	74
<b>RUJUKAN</b>	75-79

## SENARAI JADUAL

Jadual 3.1: Data Informan

Jadual 3.2 Size Sampel Krejcie & Morgan

Jadual 4.1 Jantina Responden

Jadual 4.2 Umur Responden

Jadual 4.3 Pekerjaan Responden

Jadual 4.4 Kunjungan Responden Ke Muzium Sultan Alam Shah

Jadual 4.5 Kekerapan Pengunjung Yang Datang Ke Muzium

Jadual 4.6 Pengalaman Pengunjung

Jadual 4.7 Mengesyorkan Muzium Sultan Alam Shah Kepada Orang Lain

Jadual 4.8 Berkunjung Semula Ke Muzium

Jadual 4.9 Senarai Koleksi Pameran Dan Jenis-Jenis Objek Pameran

Jadual 4.10 Maklumat Yang Diterima Oleh Pengunjung Secara Tidak Langsung

Jadual 4.11 Keberkesanan Maklumat Yang Diterima

Jadual 4.12 Aktiviti Yang Dijalankan Oleh Pihak Muzium

## **SENARAI RAJAH**

- Rajah 1.1 Peta Kawasan Muzium Sultan Alam Shah
- Rajah 1.2 Pintu Masuk Muzium Sultan Alam Shah
- Rajah 1.3 Bahagian Dalam Muzium Sultan Alam Shah
- Rajah 3.1 Proses Analisis Data
- Rajah 3.2 Transkrip Data Temu Bual Bersama Informan
- Rajah 3.3 Pengekodan Temu Bual Bersama Informan
- Rajah 3.4 Analisis GoogleForm Responden
- Rajah 4.1 Pameran Yang Menjadi Tarikan Pengunjung.

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.0 Pengenalan

Muzium ialah sebuah tempat ataupun bangunan yang menyimpan, memelihara, mengkaji atau mempamerkan objek-objek dan koleksi yang mempunyai nilai sejarah, seni, saintifik dan sebagainya (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, 2005). Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM, 2023) turut mendefinisikan muzium sebagai tempat yang mempamerkan dan mengembangkan nilai warisan dan sejarah. Muzium merupakan tempat yang tidak dibina hanya untuk mendapatkan keuntungan tetapi memberikan perkhidmatan kepada pengunjung. Muzium juga dapat mempamerkan, melindungi, memelihara dan memberikan bukti-bukti sejarah kepada manusia. Daripada definisi-definisi ini, muzium memainkan peranan yang besar dalam bidang pendidikan terutamanya pendidikan secara tidak formal kepada generasi masa kini terutamanya dari segi sejarah. Hal ini demikian kerana, muzium dapat membekalkan maklumat-maklumat sejarah yang tidak terdapat dalam buku ataupun silibus pembelajaran di sekolah.

Pada tahun 1974, Kuala Lumpur telah diiktiraf sebagai Wilayah Persekutuan. Justeru, Muzium Negara yang terletak di Kuala Lumpur tidak lagi diuruskan di bawah badan pengurusan muzium negeri Selangor. Hal ini telah menyebabkan negeri Selangor tidak mempunyai muzium yang mewakili negeri ini. Oleh itu, pada tahun 1975, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah meluluskan enakmen penubuhan muzium dan disitulah tertubuhnya Lembaga Muzium Selangor. Muzium Sultan Alam Shah merupakan sebuah muzium yang telah dibuka secara rasmi pada 2 September 1989 dan dinamakan sebagai Muzium Sultan Alam Shah bersempena dengan nama Sultan Selangor

yang keenam. Muzium ini mempamerkan segala sejarah, budaya, adat istiadat, agama, artifak dan alam semula jadi yang ada di Selangor pada suatu ketika dahulu (Jabatan Muzium Negara, 2023)

Oleh itu, muzium berpotensi untuk memberikan maklumat mengenai sejarah, budaya dan adat negeri Selangor secara lebih menyeluruh kepada setiap pengunjung. Secara umumnya, kewujudan muzium dapat memenuhi objektif penyampaian pembelajaran secara tidak formal dan menyalurkan maklumat secara progresif. Justeru, pengetahuan mengenai sejarah negeri Selangor dapat disalurkan melalui Muzium Sultan Alam Shah.

Menurut Mohd Azmi Bin Mohd Yusof (2012), pendidikan tidak formal melalui lawatan ke muzium semestinya dapat membantu generasi muda memahami dan mempelajari apa yang tidak dinyatakan di dalam buku-buku teks dan pembelajaran di sekolah. Di sekolah, para pelajar hanya mempelajari sejarah secara umum namun sekiranya generasi muda berkunjung ke muzium, mereka dapat mempelajari sejarah-sejarah yang ada di muzium tersebut secara lebih terperinci. Maklumat yang terdapat di Muzium Sultan Alam Shah merupakan maklumat yang tidak diajarkan oleh guru-guru di sekolah. Secara umumnya, objek, barang pameran dan aktiviti yang dipamerkan oleh pihak muzium dapat membantu meningkatkan lagi keberkesanan pendidikan tidak formal kepada generasi muda.

Generasi muda kini kurang cakna tentang nilai sejarah dan warisan yang ada di Malaysia berikutan kurangnya pengetahuan tentang seni warisan (Hafizah, 2017). Oleh itu, usaha yang diambil oleh muzium dengan menjadikannya sebagai medan pendidikan tidak formal dapat memudahkan lagi usaha dalam menyampaikan nilai-nilai sejarah dan warisan serta membuka mata generasi muda tentang kepentingan sesebuah warisan. Usaha golongan dewasa untuk membawa anak-anak dan generasi muda melawat ke muzium juga dilihat sebagai salah satu inisiatif yang perlu ditingkatkan dalam

mengekalkan nilai warisan dalam jiwa generasi muda pada masa kini berbanding hanya membawa mereka ke tempat-tempat hiburan yang hanya mempunyai tujuan untuk berseronok sahaja. Di muzium, dengan aktiviti dan pameran yang menarik, pengunjung bukan sahaja dapat berhibur malah menambah ilmu pengetahuan tentang asal usul mereka.

### **1.1 Permasalahan Kajian**

Bangunan muzium yang lama perlu diperbaiki dan dipulihara namun, kerja-kerja menaik taraf bangunan memakan masa yang lama telah menyebabkan Muzium Sultan Alam Shah tidak dapat beroperasi dan tidak dibuka untuk lawatan kepada para pengunjung. Menurut satu artikel Sinar Harian yang ditulis oleh Mohd Izzatul Izuan Tahir pada 14 Februari 2023 menyatakan bahawa Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) kini sedang menjalankan kerja-kerja menaik taraf bangunan Muzium Sultan Alam Shah dan menjangkakan bahawa kerja-kerja menaik taraf akan siap sepenuhnya pada Oktober tahun ini. Akibat daripada kerja-kerja menaik taraf ini, Muzium Sultan Alam Shah tidak dapat beroperasi seperti biasa. Hal ini telah menyebabkan para pengunjung tidak dapat melawat muzium pada masa yang terdekat. Kerja-kerja ini juga telah memakan masa berbulan-bulan dan ini merupakan satu tempoh masa yang lama.

Hal ini bukanlah isu yang pertama, menurut Sheikh Mohamad Nasiruddin Sheikh (2019), Muzium Sultan Alam Shah pernah ditutup daripada tahun semasa sehingga Mei tahun 2020 dan telah memakan masa selama setahun untuk melakukan kerja-kerja menaik taraf muzium. Oleh itu, dapatlah dilihat bahawa dalam masa lima tahun ini sahaja, Muzium Sultan Alam Shah telah ditutup dan tidak beroperasi bagi tempoh masa yang

lama sebanyak dua kali bagi memberikan laluan kepada kerja-kerja menaik taraf. Kerja-kerja menaik taraf ini dilakukan di balai-balai pameran yang ada di muzium. Oleh yang demikian, pengunjung tidak dapat berkunjung ke muzium akibat daripada naik taraf ruang pameran tersebut.

Selain itu, kurangnya minat anak muda untuk berkunjung ke muzium kerana pandangan masyarakat bahawa muzium adalah tempat yang membosankan dan tidak menarik untuk dikunjungi sehingga sekadar menjadi tempat persinggahan bagi pelancong (Latifah, 2015). Hal ini telah memberikan tempas kepada kebanyakan muzium di Malaysia. Stigma dan persepsi masyarakat telah menyebabkan muzium tidak mendapat sambutan daripada pengunjung.

Di samping itu, menurut Latifah (2015) jaringan sosial pada masa kini telah menghakis minat generasi muda untuk mengunjungi institusi bersejarah dan bilangan pengunjung tempatan ke muzium mengalami penurunan kerana pandangan bahawa muzium bukanlah sebuah tempat yang menarik untuk dilawati. Ditambah pula dengan kepelbagaian pusat hiburan yang telah menarik minat generasi muda untuk berhibur dan berseronok. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa persepsi dan pandangan daripada generasi muda dan masyarakat itu sendiri yang telah menyebabkan muzium tidak mendapat sambutan yang hangat oleh para pengunjung. Hal ini juga bukanlah sebuah isu yang baru tetapi ianya telah menjadi sebuah kebimbangan sejak dahulu lagi. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk memahami dengan mendalam peranan muzium sebagai institusi yang memberikan pendidikan tidak formal kepada generasi muda terutamanya dalam mengenal sejarah, identity dan budaya.



## 1.2 Objektif Kajian

Melalui kajian tentang Muzium Sultan Alam Shah sebagai institusi pendidikan tidak formal kepada generasi muda, terdapat tiga objektif utama yang telah dibentuk untuk kajian ini iaitu:

1. Mengenal pasti koleksi pameran dan objek yang menjadi tarikan generasi muda di Muzium Sultan Alam Shah.
2. Mengkaji jenis-jenis maklumat yang diterima oleh generasi muda melalui lawatan di Muzium Sultan Alam Shah.
3. Menganalisis aktiviti yang dijalankan oleh pihak muzium dalam memberikan pendidikan tidak formal kepada generasi muda.

## 1.3 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, terdapat tiga persoalan yang telah dikenalpasti iaitu:

1. Apakah koleksi pameran dan objek yang menjadi tarikan generasi muda di Muzium Sultan Alam Shah?
2. Apakah jenis-jenis maklumat yang diterima oleh generasi muda melalui lawatan di Muzium Sultan Alam Shah?
3. Apakah aktiviti yang dijalankan oleh pihak muzium dalam memberikan pendidikan tidak formal kepada generasi muda.

#### 1.4 Skop Kajian

Skop kajian ini tertumpu kepada Muzium Sultan Alam Shah sebagai institusi pendidikan tidak formal kepada generasi muda. Melalui kajian ini, objektif utama direka untuk mengenal pasti objek dan koleksi pameran yang menjadi tarikan kepada generasi muda di Muzium Sultan Alam Shah. Seterusnya, kajian ini mengkaji jenis-jenis maklumat yang diterima oleh generasi muda melalui lawatan di Muzium Sultan Alam Shah. Akhir sekali, kajian ini menganalisis langkah-langkah yang diambil oleh pihak muzium dalam memberikan pendidikan tidak formal kepada generasi muda. Muzium Sultan Alam Shah telah dipilih sebagai tempat kajian bagi memudahkan proses penyelidikan dan pengumpulan maklumat.

Melalui kajian lepas, maklumat tentang hal-hal berkaitan sejarah muzium, jenis-jenis muzium, fungsi muzium dan peranan muzium telah dikumpul. Muzium Sultan Alam Shah dipilih dalam menumpukan sejarah dan pameran yang ada di Muzium Sultan Alam Shah. Seterusnya, kajian ini juga menumpukan kepada jenis-jenis dan faktor-faktor yang mendorong pengunjung berkunjung ke muzium. Maklumat dan data daripada kajian lepas digunakan bagi menyokong kajian yang dilakukan. Kajian ini menggunakan teori pembelajaran Vygotsky bagi menambah lagi pengetahuan tentang kajian yang dilakukan.

Bagi proses pengumpulan data, kajian ini menggunakan kaedah campuran iaitu pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Kaedah campuran dipercayai dapat membantu pengkaji mengumpulkan data dengan lebih efektif. Pengkaji akan menggunakan data primer untuk sesi temu bual, pemerhatian dan juga tinjauan. Data sekunder juga digunakan dengan merujuk kepada sumber daripada perpustakaan dan internet seperti buku, jurnal, artikel dan sebagainya. Kaedah pensampelan pula menggunakan kaedah pensampelan bertujuan dan pensampelan bebola salji. Menggunakan dua kaedah

pensampelan di atas, responden dipilih secara rawak untuk menjawab objektif kajian. Hal ini bertujuan bagi mendapatkan data yang pelbagai.

Kajian ini mengambil masa dua bulan untuk mendapatkan data dan maklumat daripada kawasan kajian yang dilakukan. Bagi pendekatan kualitatif, lapan orang informan telah dipilih untuk sesi temu bual. Antara informan yang dipilih oleh pengkaji adalah kurator muzium, pembantu muzium dan enam orang pengunjung muzium. Manakala bagi pendekatan kuantitatif pula, 309 orang responden yang terdiri daripada pengunjung dan penduduk sekitar muzium telah terlibat di dalam kajian ini terutamanya dalam menjawab borang soal selidik yang diedarkan.

Kajian ini seterusnya menggunakan analisis tematik dan deskriptif dalam menganalisis data dari kajian lapangan.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ini dilihat penting kepada tiga pihak iaitu generasi muda, pihak muzium dan juga penyelidik. Pengkaji berharap bahawa dengan adanya kajian ini dapat menjadi rujukan kepada pelbagai pihak. Oleh itu, semasa melakukan kajian ini, pengkaji telah melihat sebab utama kajian ini perlu dijalankan.

### **1.5.1 Generasi Muda**

Penyelidikan ini mempunyai kepentingannya terutama kepada generasi muda. Melalui kajian ini, generasi muda dapat mengetahui sejarah dan budaya negeri Selangor yang didedahkan kepada mereka melalui kunjungan ke muzium. Melalui pameran yang pelbagai, generasi muda dapat mengetahui cara hidup masyarakat yang tinggal di Selangor pada suatu ketika dahulu. Budaya dan adat masyarakat terdahulu juga dapat

disampaikan dengan cara yang berkesan kerana pameran yang ada di Muzium Sultan Alam Shah ini menunjukkan gaya dan cara hidup masyarakat terdahulu daripada cara pemakaian, permainan tradisional, rumah tradisional dan sebagainya. Berpautan juga dengan cara dan bagaimana generasi muda dapat melakukan proses tafsiran kepada objek pameran. Hal ini demikian kerana, melalui proses tafsiran ini, generasi muda dapat meneroka, mempelajari dan mengambil kira nilai warisan yang ada pada objek tersebut dengan bimbingan daripada maklumat yang telah disediakan oleh pihak muzium dan juga kurator yang bertugas. Melalui proses ini juga, pembelajaran dan pendidikan secara tidak formal telah berlaku kepada pengunjung tersebut.

### **1.5.2 Pihak Muzium**

Penyelidikan ini juga mempunyai kepentingan untuk memastikan pihak muzium sentiasa cakna akan peranan dan tanggungjawab yang mereka galas dalam memastikan pendidikan secara tidak formal kepada generasi muda ini berjalan secara berterusan. Hal ini juga mengambil kira tindakan dan aktiviti-aktiviti yang telah mereka sediakan bagi menarik minat generasi muda untuk berkunjung ke muzium. Generasi muda berasa seronok dan berhasrat untuk berkunjung semula ke muzium merupakan antara perkara yang penting bagi menggambarkan keberkesanan pameran dan aktiviti yang dijalankan di muzium itu berjaya mengambil minat golongan muda ataupun tidak.

### **1.5.3 Penyelidik**

Akhir sekali, kajian ini dapat memberikan kefahaman kepada penyelidik tentang peranan sesebuah muzium bagi menyalurkan pendidikan secara tidak formal terutamanya kepada generasi muda. Penyelidik dapat mempelajari dan menimba pengetahuan baru mengenai konsep yang dibawa oleh Muzium Sultan Alam Shah. Penyelidik juga dapat memperhatikan gerak kerja pihak muzium dalam menarik minat pengunjung datang ke muzium serta mengetahui jenis-jenis objek warisan yang dipamerkan secara lebih dekat.

### **1.6 Lokasi Kajian**

Penyelidikan ini dilaksanakan dan di Muzium Sultan Alam Shah yang terletak di Persiaran Bandaraya, Seksyen 14, 40000, Shah Alam, Selangor. Di sekitar kawasan muzium terdapat taman rekreasi iaitu Taman Tasik Shah Alam. Melalui Taman Tasik Shah Alam, terdapat laluan yang menghubungkan ke Muzium Sultan Alam Shah. Di Muzium Sultan Alam Shah juga ada menyediakan tempat meletakkan kereta bagi pengunjung yang datang menaiki kereta. Pengangkutan bas awam juga ada disediakan bagi mereka yang ingin datang ke muzium ini. Di Muzium Sultan Alam Shah juga terdapat pelbagai balai pameran dan sejarah tentang kehidupan masyarakat di negeri Selangor pada masa lalu. Kemudahan lain yang disediakan di sekitar muzium ini ialah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz yang memudahkan pengunjung beragama Islam untuk bersolat. Terdapat juga kedai-kedai makanan di sekitar muzium.



Rajah 1.1 Peta Kawasan Muzium Sultan Alam Shah

Rajah 1.1 menunjukkan peta kawasan Muzium Sultan Alam Shah. Di dalam rajah ini, tanda yang berwarna merah merupakan Muzium Sultan Alam Shah. Pengunjung boleh menggunakan aplikasi Google Maps dengan carian Muzium Sultan Alam Shah sebagai panduan untuk datang ke muzium.



Rajah 1.2 Pintu Masuk Muzium Sultan Alam Shah

Rajah 1.2 pula menunjukkan pintu masuk ke Muzium Sultan Alam Shah. Pengunjung boleh melalui pintu masuk ini untuk pergi ke balai-balai pameran muzium.



Rajah 1.3 Bahagian Dalam Muzium Sultan Alam Shah

Rajah 1.3 menunjukkan gambaran bahagian dalam Muzium Sultan Alam Shah. Bahagian ini menunjukkan pameran di bahagian biodiversiti di salah satu balai pameran muzium Sultan Alam Shah.

### **1.7 Struktur Projek Penyelidikan**

Projek penyelidikan ini mempunyai lima bab. Bab satu membincangkan mengenai pengenalan, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan lokasi kajian.

Seterusnya, bab dua membincangkan sorotan kajian mengenai muzium, sejarah muzium, jenis-jenis muzium, fungsi muzium, koleksi di muzium, peranan pihak muzium, jenis-jenis pengunjung, faktor kedatangan pengunjung ke muzium, pendidikan di muzium dan pengaplikasian teori pembelajaran.

Seterusnya, bab tiga adalah metodologi kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan campuran iaitu pendekatan kualitatif dan pendekatan kuantitatif. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan tinjauan dengan menggunakan rekabentuk kajian kes. Kajian ini juga menggunakan analisis data tematik bagi pendekatan kualitatif dan analisis data deskriptif bagi pendekatan kuantitatif.

Seterusnya, bab empat membincangkan data-data yang diperolehi daripada kajian lapangan yang dijalankan bagi menjawab ketiga-tiga objektif kajian. Bab ini merangkumi soalan demografi responden, koleksi pameran dan objek yang menjadi tarikan generasi muda di Muzium Sultan Alam Shah, jenis-jenis maklumat yang diterima oleh generasi muda melalui lawatan di Muzium Sultan Alam Shah dan aktiviti yang dijalankan oleh pihak muzium dalam memberikan pendidikan tidak formal kepada generasi muda.

Akhir sekali, bab lima membincangkan tentang rumusan mengenai keseluruhan kajian. Bab ini juga membincangkan tentang dapatan utama yang diperolehi daripada kajian mengenai Muzium Sultan Alam Shah sebagai institusi pendidikan tidak formal kepada generasi muda.



## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.0 Pengenalan

Bab dua mempunyai lapan bahagian utama. Bahagian pertama menerangkan tentang maksud muzium secara umum. Bahagian kedua menerangkan sejarah pembentukan muzium di Malaysia dan muzium pertama yang dibina. Pada bahagian ketiga pula menerangkan jenis-jenis muzium yang ada di dalam dan luar negara. Bahagian keempat merujuk kepada fungsi muzium sebagai institusi pendidikan tidak formal. Bahagian kelima menerangkan peranan muzium dalam membantu dan menyalurkan pengetahuan tentang sejarah secara tidak langsung kepada pengunjung. Dalam bahagian ini juga menceritakan peranan kurator dan peranan pameran kepada pengunjung. Selain itu, di bahagian keenam menerangkan tentang lokasi kajian iaitu Muzium Sultan Alam Shah. Pada bahagian ini juga ada menyentuh tentang pameran dan sudut pameran yang ada di muzium. Seterusnya bahagian ketujuh, menceritakan pengunjung yang datang ke muzium. Pada bahagian ini menerangkan jenis-jenis pengunjung yang datang, sebab-sebab pengunjung datang ke muzium, pendidikan yang diperolehi oleh pengunjung yang datang ke muzium dan tarikan yang menarik pengunjung datang ke muzium. Akhir sekali, pada bahagian lapan menerangkan teori yang dipraktikkan dalam membincangkan tajuk kajian 'Muzium Sultan Alam Shah Sebagai Institusi Pendidikan Tidak Formal Kepada Generasi Muda' iaitu teori pembelajaran.

## 2.1 Maksud Muzium

Muzium didefinisikan sebagai rumah dan tapak bersejarah, sains dan teknologi, pusat alam semula jadi, akuarium, zoo dan taman botani serta seni tradisional, sejarah dan sejarah semula jadi (Falk, 2011). Muzium juga boleh dikatakan sebagai sebuah tempat yang luar biasa di mana pengunjung dapat merasai pengalaman yang pelbagai seperti menginterpretasi pameran (George, 1998). Menurut Abu Talib Ahmad (2015) pula, muzium merupakan bangunan yang dapat memelihara dan memulihara warisan sesuatu kaum. Warisan ini juga boleh dijadikan sebagai salah satu medium pembelajaran tidak formal kepada masyarakat apabila warisan ini dijaga dan dikekalkan. Warisan juga merupakan identiti sesebuah bangsa. Menurut Kesatuan Muzium Great Britain (1989), muzium didefinisikan dalam bentuk yang lebih mudah iaitu *'An institution which collects, documents, preserves, exhibits, and interprets material evidence and associated for public benefits.'* Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM, 2023) turut mendefinisikan muzium sebagai tempat yang mempamerkan dan mengembangkan nilai warisan dan sejarah. Muzium merupakan tempat yang tidak dibina hanya untuk mendapatkan keuntungan tetapi memberikan perkhidmatan kepada pengunjung. Muzium juga dapat mempamerkan, melindungi, memelihara dan memberikan bukti-bukti sejarah kepada manusia.

## 2.2 Sejarah Muzium Di Malaysia

Muzium berkembang di seluruh dunia mengikut kepada peredaran zaman. Asal usul penubuhan institusi permuziuman di Malaysia bermula sejak zaman penjajahan British. Pengaruh Eropah telah menjadi faktor utama kepada pertapakan ideologi muzium di Tanah Melayu (Ahmad, 2015). Namun terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa muzium telah wujud sejak zaman sebelum kedatangan kolonial ke Tanah Melayu lagi. Istana pada zaman pemerintahan Kesultanan Melayu boleh dikategorikan sebagai muzium kerana telah mengumpul segala bentuk kesenian, adat dan warisan, manuskrip dan berbagai lagi. Selain itu, idealogi yang dibawa oleh pihak British merupakan penambahbaikan dari segi pemeliharaan dan pemuliharaan warisan menjadikan ilmu dalam bidang permuziuman di Tanah Melayu semakin meluas dan sistematik berbanding dengan hanya bergantung kepada institusi diraja.

Menurut Rahim Affandi (2017), penjajahan kuasa barat di Tanah Melayu telah membawa pengaruh kepada kewujudan muzium. Pengaruh ini telah membawa ideologi dan falsafah yang menjadi punca kepada pembinaan muzium di Tanah Melayu. Ideologi dan falsafah barat ini kemudiannya dinilai dan disemak semula sehingga membawa kepada konsep permuziuman yang baru. Di sebalik falsafah yang mengatakan muzium sebagai pusat penyimpanan dan penjagaan barangan sejarah dan lampau, muzium juga mempunyai peranan dari segi dan aspek lain seperti pembangunan negara dari politik, ekonomi dan sosial (Jacqueline Tham, 2020). Menurut Mohd Arus (2017), muzium kini bukan sahaja mengumpul dan memulihara objek sejarah malah dianggap sebagai pusat penyelidikan seni, pusat pendidikan tidak formal dan pusat penyebaran ilmu pengetahuan dan kefahaman sejarah.

### **2.2.1 Muzium Negara**

Penubuhan Muzium Negara adalah cetusan idea daripada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia Pertama. Muzium Negara dibina di atas bekas tapak Muzium Selangor. Muzium ini telah mengalami kerosakan akibat daripada pengeboman yang dilakukan oleh Tentera Udara pada 10 Mac 1945 semasa Perang Dunia Kedua. Seterusnya, muzium mula dibangunkan dan siap sepenuhnya pada Ogos 1963 dan dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ketiga, Tuanku Syed Putra Al-Haj ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail. Pengurusan muzium kini dikendalikan oleh Jabatan Muzium Malaysia di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia. Muzium Negara merupakan salah satu muzium yang penting di Malaysia dalam menempatkan pelbagai khazanah dan warisan sejarah Malaysia. Muzium Negara juga boleh dianggap sebagai salah satu lambang muzium di Malaysia yang diuruskan dan diselenggara dengan baik (Muzium Negara, 2023).

### **2.3 Jenis-jenis Muzium**

Terdapat empat jenis muzium yang ada di Malaysia. Jenis muzium yang pertama ialah muzium berbentuk umum. Muzium ini memberi penekanan kepada sejarah dan budaya koleksi pameran. Selain itu, terdapat juga jenis muzium yang mengkhususkan kepada arkeologi, hutan, padi, seni, dan lain-lain. Seterusnya, terdapat muzium yang berbentuk galeri diraja. Muzium ini menumpukan kepada khazanah diraja. Akhir sekali, muzium berbentuk memorial yang menumpukan kepada peringatan peristiwa atau tokoh tertentu (Ahmad, 2015). Kewujudan muzium di Malaysia adalah berdasarkan kepada koleksi dan latar belakang yang berbeza-beza. Contohnya muzium berbentuk umum

adalah seperti Muzium Negara. Menurut Britannica (2012), koleksi di muzium merupakan cerminan kepada perkembangan ilmu yang berlaku di kawasan sekitar. Justeru, dapat dilihat terdapat pelbagai perkembangan kehidupan dapat dipelajari di muzium-muzium umum.

Di Malaysia juga terdapat jenis muzium yang menerangkan tentang sejarah dan sains semula jadi. Muzium juga dapat memberikan lebih banyak pengetahuan tentang sains melalui kewujudan sejarah semula jadi. Menurut Bennett (2005), muzium berbentuk sejarah dan sains semula jadi ini dapat memberikan pendidikan tentang sejarah dan sains di samping membenarkan penyelidikan dilakukan. Selain itu, jenis muzium yang berkonsepkan galeri diraja juga merupakan jenis muzium yang dapat memberi pengetahuan mengenai asal-usul raja di Malaysia. Kini di Malaysia terdapat juga muzium galeri yang berkonsepkan seni di mana ianya bukan sahaja mempamerkan hasil seni semata namun dapat memberikan penghayatan dan mempromosikan bidang seni kepada pengunjungnya.

Kepelbagaian jenis muzium dapat memberikan pelbagai jenis maklumat dan pengetahuan kepada pengunjung. Di luar negara, terdapat juga jenis muzium 3D. Menurut Tissen (2021), muzium 3D dapat memberikan pengalaman baru yang membolehkan pengunjung berinteraksi dengan pameran.

## 2.4 Fungsi Muzium

Menurut Mohd Yusof (2013), muzium beroperasi melalui tiga kegiatan utama iaitu yang pertama memperoleh, menganalisis dan memelihara warisan sejarah, kebudayaan dan alam yang penting kepada negara. Kedua, muzium juga berperanan dalam mendokumentasi serta menerbitkan hasil penyelidikan. Ketiga, muzium membantu mengembangkan ilmu melalui aktiviti dan lawatan di muzium. Muzium Sultan Alam Shah beroperasi dengan ciri yang ketiga di mana muzium ini dapat mengembangkan ilmu pengetahuan melalui pameran dan aktiviti-aktiviti kepada para pengunjung. Muzium ini berfungsi dalam menyalurkan pendidikan sejarah dengan efektif kerana mempunyai bahan yang bersesuaian dalam himpunan dan koleksi pamerannya.

Menurut Kumar (2006), muzium merupakan tempat yang memberikan pemahaman, hiburan, pendidikan dan penyelidikan kepada masyarakat tentang memahami sejarah dan warisan. Muzium merupakan sebuah tempat yang bertanggungjawab terhadap memelihara dan memulihara barang dan koleksi sejarah di samping menjadi tempat perkhidmatan awam kepada masyarakat dalam menyampaikan pengetahuan tentang sejarah. Fungsi setiap jenis muzium adalah berbeza-beza namun mempunyai tujuan yang sama iaitu menyampaikan pengetahuan kepada masyarakat. Lawatan di muzium membolehkan pengunjung merasai pengalaman seperti melihat objek warisan sebenar, menginterpretasi objek atau pameran dan mempelajari pengetahuan yang ingin disampaikan oleh muzium.

### **2.4.1 Pengumpulan Koleksi Muzium**

Pengumpulan koleksi muzium adalah hasil daripada penemuan artifak melalui aktiviti penggalian dan penerokaan yang dilakukan oleh ahli arkeologi. Koleksi dan jumpaan artifak ini akan diselidik dan dikaji sebelum dipamerkan di muzium. Pengumpulan koleksi artifak ini dikumpulkan dengan tujuan untuk memberitahu tentang pengetahuan sejarah dan nilai-nilai sejarah kepada pengunjung. Menurut Getty (2019), koleksi muzium juga boleh dijadikan sebagai bahan penyelidikan dan rujukan kepada penyelidik dan orang awam.

Dalam pengumpulan artifak, nilai sejarah juga diambil kira sebelum dipamerkan di muzium. Artifak diasingkan berdasarkan kepada kategori artifak itu sendiri. Contohnya, artifak diasingkan berdasarkan kepada budaya, adat, pakaian, peralatan dan sebagainya.

### **2.4.2 Penyimpanan Artifak**

Muzium juga dilihat berfungsi sebagai tempat menyimpan artifak. Melalui penyimpanan artifak di muzium, artifak dapat dipulihara dan dipelihara dengan baik. Menurut Simon (2014) kebanyakan muzium di seluruh dunia berfungsi sebagai tempat penyimpanan artifak yang mempunyai sejarah dan warisan budaya yang bernilai. Melalui penyimpanan ini juga, jangka hayat artifak dapat dipanjangkan. Menurut Frantz (2007), pemeliharaan artifak di muzium dapat membantu mengekalkan artifak sejak berabad yang lalu dan dapat mencapai matlamat bagi memastikan objek sentiasa terpelihara.

## 2.5 Peranan Pihak Muzium

Muzium memainkan peranan penting dalam membantu mengukuhkan proses pembelajaran dan pengajaran untuk subjek sejarah di sekolah. Pada asalnya, muzium merupakan pusat pembelajaran. Namun, setelah berlakunya komunikasi dua hala antara Greek dengan Cabinet of Curiosity di Eropah, muzium telah melalui proses evolusi dalam pembangunan. Fasa ini menekankan kepada peranan dan fungsi muzium dalam mempamerkan dan memperagakan koleksi dan objek warisan (Mohd Yusof, 2019). Melalui konteks masyarakat moden pula, muzium mampu mempelbagaikan proses dan cara penyampaian maklumat kepada masyarakat umum dengan cara yang lebih efektif dan dapat membantu masyarakat untuk lebih dekat dalam memahami sejarah (Mohd Yusof, 2019).

Menurut Hidayah (2017), setiap pihak memainkan peranan yang penting dalam memastikan koleksi pameran dan aktiviti yang dijalankan di muzium dapat memberikan pengetahuan kepada pengunjung. Hal ini kerana, kekuatan sebuah muzium terletak pada barang pameran dan aktiviti yang dapat menarik minat pengunjung untuk datang ke muzium. Selain itu, kurator muzium memainkan peranan sebagai seorang individu yang bertanggungjawab dalam menyampaikan maklumat.

Kurator memainkan peranan untuk menerangkan cerita dan latar belakang koleksi pameran. Hal ini kerana, pemahaman sebenar tentang koleksi pameran lebih diketahui oleh kurator berbanding pengunjung. Penerangan secara objektif dapat memberikan pengetahuan kepada pengunjung daripada lawatan ke muzium. Pengetahuan tentang warisan merupakan perkara yang penting dalam kehidupan seseorang individu. Hal ini kerana, pendidikan dapat melahirkan masyarakat yang bijak dan boleh membuat keputusan untuk mencorak kehidupan mereka pada masa akan datang. Fungsi utama pendidikan warisan ini adalah untuk mengubah dan memindahkan nilai warisan dan



kebudayaan kepada setiap individu mengenai pengetahuan yang tidak mereka ketahui sebelum ini. Justeru, muzium berperanan sebagai institusi pendidikan tidak formal kepada masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengunjung dapat belajar dengan cara melihat, mendengar dan memegang koleksi pameran muzium yang tidak dipelajari melalui guru dan buku seperti di sekolah.

Sejak beberapa dekad yang lalu, muzium telah berkembang dalam pelbagai bentuk. Perkembangan ini membawa kepada warisan dan sejarah yang berorientasikan terutamanya kepada bentuk pengumpulan dan penyelidikan. Muzium kini juga telah memberikan penekanan kepada pendidikan mengenai masa lalu dan dilihat sebagai institusi pembelajaran awam kepada orang ramai (Falk, 2011). Pengunjung tidak mengumpul maklumat melalui label-label yang berbentuk skema dan konsep akademik namun melalui peristiwa dan pemerhatian yang mereka lakukan sebelum dan selepas melawat muzium. Gabungan antara pengetahuan sebelum melawat muzium dengan melihat objek sebenar selepas melawat muzium membentuk satu memori yang tidak dapat dilupakan dan memainkan peranan penting dalam menghasilkan pembelajaran jangka panjang (Falk, 2011).

Setiap muzium mempunyai objektif yang jelas dalam mempamerkan sejarah. Kandungan yang dipamerkan di muzium menyokong kepada susur-galur dan peristiwa-peristiwa sejarah yang telah berlaku. Koleksi yang dipamerkan pula mampu memberi pengalaman baru kepada pelajar untuk memahami peristiwa menerusi bukti-bukti pameran yang telah mereka lihat (Mohd Yusof, 2019).

## 2.6 Muzium Sultan Alam Shah

Muzium Sultan Alam Shah dibangunkan untuk menjadi tempat yang memperlihatkan kebudayaan negeri Selangor. Muzium ini diletakkan di bawah tanggungjawab Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT). Muzium ini berfungsi khusus untuk membangun, memelihara dan menyebarkan adat Melayu dan warisan negeri Selangor. Program yang dijalankan di muzium membawa unsur pendidikan dan pengetahuan tentang sejarah Selangor. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung (Muzamil et al. 2001). Bangunan muzium ini dibina di atas tanah seluas 12.95 hektar, setinggi lima tingkat yang terdiri daripada dua tingkat ruang pejabat, tiga tingkat ruang pameran dan Dewan Pameran Daeng Menabung. Muzium ini juga turut dilengkapi dengan lima buah balai pameran dan pameran luar. Muzium ini juga mempunyai kelengkapan seperti pusat sumber, auditorium, Dewan Raja Lumu, Bilik Mesyuarat Daeng Perani dan Kemasik, makmal taksedemi dan repositori.

Muzium Sultan Alam Shah merupakan sebuah muzium jenis pertama iaitu muzium umum. Muzium ini mempamerkan budaya dan sejarah negeri Selangor melalui pameran yang pelbagai. Muzium ini lebih mengkhususkan pameran dan aktiviti dalam perkara yang berkaitan dengan sejarah dan warisan yang ada di negeri Selangor. Muzium ini bukan sahaja menjadi tempat lawatan untuk mengisi masa lapang semata-mata malah dilihat dapat menyokong dan mengukuhkan kefahaman dalam pendidikan sejarah. Melalui pameran juga, proses pembelajaran dilihat lebih menarik dan lebih berkesan. Kini, Muzium Sultan Alam Shah telah mengalami beberapa penambahbaikan terhadap balai-balai pameran. Penambahbaikan ini juga melibatkan penambahan koleksi pameran di Muzium Sultan Alam Shah. Kepelbagaian artifak dan pameran di Muzium Sultan Alam Shah dapat menarik minat pengunjung untuk datang berkunjung.

### **2.6.1 Pameran Dan Objek Yang Ada Di Muzium Sultan Alam Shah**

Objek dan pameran Muzium Sultan Alam Shah dibahagikan kepada lima iaitu Balai Sejarah, Balai Kebudayaan, Balai Warisan Alam Semula Jadi, Balai Sukan dan Balai Islam. Di balai sejarah, pengunjung dapat melihat artifak prasejarah yang telah dikumpul dari tapak penempatan awal manusia di Selangor. Balai ini mempamerkan tentang gaya hidup masyarakat yang tinggal di Selangor pada zaman dahulu. Sejarah pentadbiran negeri Selangor juga dipamerkan dari zaman penjajahan, zaman prakemerdekaan dan sehingga Selangor mendapatkan status negeri yang maju pada tahun 2005 (PADAT, 2023). Selain itu, terdapat juga Balai Kebudayaan yang mempamerkan kebudayaan masyarakat daripada pelbagai kaum dan etnik di Selangor seperti Jawa, Bugis, Minang, Banjar, Rawa, Mandiling dan lain-lain. Segala adat resam, kegiatan sastera, dan kesenian yang dapat dikenal pasti telah dipamerkan di balai ini. Terdapat juga pameran seperti pakaian tradisional, alat-alat tembaga, alat bunyi-bunyian dan senjata tradisional telah dipamerkan (PADAT, 2023).

Seterusnya, Balai Warisan Alam Semula Jadi. Balai ini memaparkan keunikan dan kekayaan warisan alam semulajadi yang ada di Selangor. Terdapat pelbagai jenis flora dan fauna yang telah diawet seperti ikan, hidupan liar, serangga, belalang, kupu-kupu dan lain-lain. Terdapat juga replika buaya Puchong iaitu buaya tembaga yang terbesar dijumpai di Semenanjung Malaysia dan replika gua batu bagi memberi pengalaman kepada pengunjung untuk merasai suasana dan mendapat pengalaman berada di dalam gua batu (PADAT, 2023).

Di samping itu, terdapat juga Balai Sukan yang menunjukkan sejarah bidang sukan dan ahli sukan yang terkenal di Selangor. Segala sumbangan, detik kegemilangan dan jasa anak-anak negeri Selangor dalam pelbagai bidang sukan telah dipamerkan di balai ini. Akhir sekali, Balai Islam menumpukan kepada penerapan agama Islam yang telah menjadi agama rasmi negeri Selangor. Di balai ini terdapat budaya, gaya hidup, sejarah kedatangan dan perkembangan agama Islam di negeri Selangor. Terdapat model masjid-masjid lama, mimbar, beduk, kubah, bekas wudhu, tempayan, pinggan mangkuk, senjata, kitab-kitab lama dan pelbagai lagi objek yang melambangkan budaya agama Islam dipamerkan di balai ini (PADAT, 2023).

Muzium Sultan Alam Shah diserikan lagi dengan pameran luar di mana pameran luar berada di luar bangunan muzium. Pameran ini mempamerkan objek yang tidak terdapat di dalam muzium seperti kereta mantan Menteri Besar Selangor yang pertama, kereta perisai model Ferret, kepala dan gerabak Keretapi Tanah Melayu, sistem radar dan kapal terbang. Muzium ini dilengkapi dengan pelbagai objek dan barangan sejarah negeri Selangor dan hal ini dapat memperluaskan lagi pengetahuan pengunjung mengenai sejarah negeri Selangor (PADAT, 2023).

## **2.7 Pengunjung Di Muzium**

Perkataan *tourism* merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Latin dan bermaksud pergerakan dalam satu bulatan. Aktiviti berkunjung ke muzium dianggap sebagai salah satu pelancongan berbentuk pendidikan. Menurut Zakaria (2022), Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) merekodkan peningkatan pengunjung ke muzium. Menurut Zaki (2021) kadar pengunjung dianggarkan meningkat setiap hari selepas berakhirnya tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang disebabkan oleh wabak

Covid-19. Hal ini kerana, muzium menjadi tempat tumpuan selepas sekian lama berada di rumah. Menurut Nancy (2022) pameran dapat memainkan peranan untuk membuka minda masyarakat generasi muda dalam mengenali pelbagai simbolik dan falsafah tradisional. Berikutan kepada penurunan jumlah pelancong ke muzium pada tahun 2020 dan 2021 disebabkan oleh wabak Covid-19, jumlah pengunjung kini telah meningkat berbanding pada tahun sebelumnya (Nancy, 2022). Hal ini menunjukkan bahawa muzium telah menjadi tempat tumpuan pelancong selepas habis tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Pihak muzium juga mengambil usaha untuk mengadakan pameran dan memperbanyakkan aktiviti bagi menarik minat pengunjung.

Pengunjung dilihat berminat untuk melawati muzium bersama keluarga bagi memenuhi masa yang terluang. Pihak muzium juga komited dalam mengekalkan muzium sebagai salah satu tempat yang ingin dilawati oleh masyarakat. Dengan usaha dan kerjasama daripada Jabatan Muzium Malaysia, muzium di Malaysia dapat ditonjolkan dalam kalangan masyarakat.

### **2.7.1 Jenis-jenis Pengunjung Di Muzium**

Terdapat pelbagai jenis pengunjung yang datang ke muzium. Antara pengunjung yang telah dikenal pasti adalah terdiri daripada golongan warga emas, dewasa, remaja dan kanak-kanak. Kebiasaannya pengunjung yang datang ke muzium terdiri daripada kumpulan yang besar seperti sebuah keluarga ataupun lawatan sambil belajar daripada sekolah.

Kanak-kanak kebiasaannya berkunjung bersama keluarga mereka atau melalui lawatan sekolah. Golongan remaja dan dewasa pula kebiasaannya akan berkunjung ke muzium bersama rakan-rakan. Terdapat juga golongan dewasa yang datang ke muzium sebagai penyelidik yang ingin mendapatkan maklumat dan data daripada muzium yang mereka lawati.

### **2.7.2 Faktor Kedatangan Pengunjung Ke Muzium**

Menurut Dean (1996), pameran yang menarik dapat menarik minat pengunjung untuk melawat muzium. Pameran yang ada di muzium dengan reka bentuk yang tersusun dapat memberikan kesan positif terhadap pengunjung muzium. Menurut Martin (1993), setiap individu mempunyai keperluan yang berbeza-beza. Selain melihat pameran yang dipamerkan, terdapat juga pengunjung yang datang ke muzium kerana minat mereka terhadap sejarah. Pengunjung juga berkunjung ke muzium untuk mempelajari perkara baru atau membuat penyelidikan.

Muzium dilihat sebagai tempat yang boleh dijadikan rujukan tentang sejarah. Aktiviti utama pengunjung yang datang ke muzium adalah untuk melihat setiap pameran di muzium. Terdapat juga pengunjung yang datang ke muzium untuk meluangkan masa lapang atau meluangkan masa bersama dengan keluarga atau kawan-kawan. Muzium juga menjadi pilihan sekolah-sekolah untuk mengadakan lawatan bagi para pelajar.

Muzium yang mempunyai kemudahan yang lengkap juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan pengunjung melawat ke muzium. Di samping itu, kebersihan sekitar muzium juga perlu dijaga. Muzium yang mempunyai persekitaran yang bersih dan menarik mampu menarik pengunjung untuk datang semula ke muzium.

### 2.7.3 Pendidikan Dalam Muzium

Menurut George (1998), pendidikan tidak formal adalah pendidikan yang tidak mempunyai kurikulum yang ditetapkan dan berkembang daripada peringkat rendah ke peringkat lebih tinggi. Pendidikan tidak formal tidak memerlukan sebarang catatan kehadiran dan tidak memerlukan perakuan mengenai penguasaan pengetahuan yang khusus pada akhir lawatan. Muzium merupakan salah satu institusi pendidikan tidak formal kepada masyarakat pada masa kini.

Menurut Azman Ligun (2017), pengunjung telah belajar melalui pengalaman mereka berkunjung ke muzium. Menurut Azman, aktiviti lawatan dan amali di muzium adalah menyeronokkan. Melalui pembelajaran ini juga, pengunjung dapat mengetahui perkara baru tentang peristiwa yang bersejarah secara lebih nyata berbanding pembelajaran yang dipelajari di sekolah. Muzium juga dapat dijadikan sebagai salah sebuah medium penghubung generasi muda mengulangkaji mata pelajaran sejarah dengan cara yang lebih berkesan.

Menurut Syazwani (2019), melalui lawatan ke muzium, generasi muda iaitu pelajar dapat memahami, mahir dan lebih menghayati nilai warisan dengan lebih mendalam terutamanya apabila lawatan yang dilakukan merangkumi dan melibatkan subjek-subjek atau matapelajaran yang mereka pelajari di sekolah. Selain itu, kajian Syazwani juga mendapati bahawa muzium mampu memberikan kemahiran berfikir tahap tinggi kepada pelajar mengenai sejarah. Justeru, aktiviti yang disediakan oleh pihak muzium dapat menarik minat generasi muda dengan lebih aktif dan dapat menggalakkan komunikasi generasi muda tentang sejarah.

#### **2.7.4 Tarikan Muzium Kepada Generasi Muda**

Terdapat pelbagai jenis muzium di Malaysia. Setiap muzium ini mempunyai caranya yang tersendiri untuk menarik pengunjung datang ke muzium terutamanya generasi muda. Muzium-muzium yang ditubuhkan di Malaysia mempunyai keistimewaan dan keunikannya yang tersendiri. Pameran dan aktiviti di muzium merupakan salah satu faktor tarikan pengunjung ke Muzium. Menurut Ulfa Arieza (2022) terdapat 10 muzium yang terkenal di dunia. Antaranya ialah Museum Louvre yang berada di Perancis. Muzium ini berbentuk piramid yang diperbuat daripada kaca dan bata. Terdapat koleksi seni yang paling terkenal iaitu lukisan Mona Lisa. Selain itu, State Russian Museum di Saint Petersburg terkenal dengan koleksi sejarah seni Rusia yang telah mencecah usia lebih daripada 1000 tahun. Seterusnya, Multimedia Art Museum pula dapat menarik minat melalui karya seni dan aktiviti yang disediakan di muzium. Karya seni yang terdapat di muzium ini adalah daripada seniman dan fotografer terkenal. Muzium ini juga menyediakan studio seni bagi mereka yang berminat untuk mempelajari seni pada hujung minggu.

Hal ini menggambarkan bahawa dengan adanya pameran dan aktiviti yang menarik, pengunjung mempunyai keinginan untuk melawat muzium. Muzium Sultan Alam Shah yang mempunyai pelbagai jenis objek dan pameran juga telah menarik minat pengunjung untuk melawat muzium. Muzium ini juga menyediakan pelbagai jenis aktiviti seperti aktiviti pengurusan koleksi, penyelidikan, kesenian dan sebagainya yang dapat menarik minat generasi muda untuk memahami dan mempelajari sejarah dengan lebih menarik selain mendapat perhatian pengunjung untuk berkunjung ke muzium. Program-program ini telah mendapat respon dan meningkatkan tahap interaksi antara generasi muda dengan muzium (M. Muzamil et al. 2005).



## 2.8 Teori Pembelajaran

Menurut George (1998) manusia belajar dengan menyerap maklumat yang telah dihantarkan kepada mereka. Mereka melakukannya secara berperingkat dan langkah demi langkah dengan menambahkan pengetahuan berbentuk individu ke dalam maklumat mereka. Teori pembelajaran dibentuk berdasarkan kepada kepercayaan manusia dalam membina pengetahuan. Mengikut penulisan John Dewey karya Piaget, teori pembelajaran Vygotsky terletak secara sosial dengan menekankan penyertaan yang aktif dalam proses pembelajaran dan melibatkan pemahaman daripada pelbagai fenomena yang disampaikan kepada minda mereka. Contohnya, pembelajaran dan pengajaran dalam pembacaan yang memfokuskan kemahiran individu secara lebih holistik di mana individu tersebut belajar untuk membentuk idea yang lebih kompleks.

Daripada teori pembelajaran Vygotsky, pembelajaran boleh terjadi melalui interaksi. Interaksi ini melibatkan lingkungan sosial dan perbualan. Lingkungan sosial dan perbualan yang memfokuskan kepada pembelajaran mampu meningkatkan daya kognitif individu tersebut. Melalui kunjungan ke muzium, lingkungan sosial dan perbualan mengenai warisan dan sejarah daripada koleksi pameran akan terjadi. Dalam hal ini, kurator memainkan peranan untuk membimbing pengunjung dengan lebih mendalam melalui interaksi. Dalam konsep muzium sebagai institusi pendidikan tidak formal kepada generasi muda, suasana kebudayaan di muzium juga memainkan peranan penting dalam meninggalkan kesan yang mendalam kepada pengunjung. Suasana yang dapat membangkitkan nostalgia seperti berada di masa lampau mampu merangsang pemikiran pengunjung merasai kehidupan masa lampau.

Perkembangan kognitif pengunjung dapat dilihat apabila pengunjung mampu mentafsirkan apa yang dilihat, didengar, dibincangkan dan dirasai. Hal ini bertepatan dengan Teori Pembelajaran Vygotsky yang berfokus kepada lingkungan sosial dan interaksi. Interaksi pengunjung sesama rakan juga merupakan salah satu proses pembelajaran yang berkesan.

## **2.9 Kesimpulan**

Muzium sebagai institusi pendidikan tidak formal kepada pengunjung merupakan perkara yang penting. Sorotan kajian membincangkan hasil kajian lepas daripada kajian tempatan dan kajian luar negara. Dalam bab ini, pengkaji menerangkan maksud muzium, sejarah muzium, jenis muzium, fungsi muzium, peranan muzium dan kepentingan muzium sebagai institusi pendidikan tidak formal melalui pembacaan kajian lepas yang didapati di perpustakaan dan sumber internet. Pengkaji turut menerangkan tentang Teori Pembelajaran Vygotsky sebagai panduan untuk menjalankan kajian ini. Justeru, sorotan kajian ini perlu sebagai panduan untuk mendapatkan pengetahuan dalam menyelesaikan penyelidikan ini.

## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 Pengenalan**

Bab tiga membincangkan mengenai kaedah yang digunakan semasa kajian dijalankan di Muzium Sultan Alam Shah. Bab ini juga menerangkan keseluruhan kajian yang telah disenaraikan secara lebih terperinci. Bagi mengumpul data-data untuk mencapai objektif kajian, pengkaji menggunakan kaedah campuran iaitu pendekatan kualitatif dan pendekatan kuantitatif. Melalui pendekatan kualitatif, pengkaji akan menggunakan data primer dan data sekunder. Data primer terhasil melalui temu bual, pemerhatian dan tinjauan. Data sekunder pula didapati melalui penggunaan alat bantu kajian dan rujukan perpustakaan. Manakala, melalui pendekatan kuantitatif, pengkaji menggunakan borang soal selidik bagi mengumpulkan pengalaman dan pandangan pengunjung yang datang ke Muzium Sultan Alam Shah. Selain itu, pengkaji juga menggunakan pensampelan kajian bukan kebarangkalian. Pensampelan kajian bukan kebarangkalian ini akan melibatkan pensampelan bertujuan dan pensampelan bola salji. Bagi analisis data, pengkaji menggunakan kaedah analisis tematik dan analisis deskriptif.

#### **3.1 Pendekatan Kajian: Pendekatan Campuran**

Kajian ini menggunakan pendekatan campuran dalam mengkaji muzium sebagai institusi pendidikan tidak formal kepada generasi muda dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak muzium bagi menarik minat pengunjung ke muzium. Pendekatan campuran bagi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan pendekatan kuantitatif terutamanya sepanjang kajian ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat dan data yang

diperlukan dalam kajian. Menurut George (2021), pendekatan campuran ialah kaedah yang mencampurkan pendekatan kualitatif dan kuantitatif bagi menjawab soalan kajian. Data-data yang diterima dan diperolehi dapat membantu dalam mencapai objektif kajian. Pendekatan campuran dapat memberikan pemahaman yang lengkap dan terperinci tentang persoalan kajian. Pengkaji memilih pendekatan campuran dalam kajian ini kerana pendekatan ini dilihat akan memberikan maklumat yang tepat kepada pengkaji.

### **3.1.1 Pendekatan Kualitatif**

Menurut Lexy (2007), pendekatan kualitatif merupakan prosedur yang dijalankan untuk menghasilkan data dan gambaran dalam ilmu pengetahuan sosial berdasarkan pengamatan daripada golongan dalam kawasan tersebut. Pendekatan ini tidak memerlukan informan yang ramai dan hanya tertumpu kepada individu yang mahir dalam bidang kajian ini. Hal ini bagi memastikan data dan maklumat yang diperolehi merupakan maklumat yang tepat dan sahih. Pendekatan ini melibatkan data-data primer dan sekunder. Kaedah yang digunakan dalam pendekatan ini berbentuk temu bual, pemerhatian dan tinjauan. Informan dan responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan individu yang mahir dan pakar dalam menerangkan maklumat terhadap persoalan yang diajukan. Pengkaji juga memberikan persoalan dan topik yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan.

### **3.1.2 Pendekatan Kuantitatif**

Menurut Mohd Islah (2011) pendekatan kuantitatif ialah kaedah yang digunakan untuk mengumpul data daripada soal selidik atau tinjauan yang dijalankan. Melalui pendekatan ini, pengagihan borang soal selidik dibuat bagi mendapatkan hasil kajian yang tepat. Bentuk-bentuk soalan yang diajukan dalam borang ini adalah berbentuk privasi dan mudah. Jenis-jenis soalan dan pertanyaan juga merupakan soalan yang berkaitan dengan objektif kajian. Data daripada soal selidik dianalisis bagi mendapatkan maklumat yang bertepatan dengan kajian yang dijalankan. Oleh itu, pendekatan kualitatif ini digunakan untuk menginterpretasi data-data yang diperolehi. Data-data ini pula akan dipaparkan dalam bentuk analisis tematik dan analisis deskriptif.

### **3.2 Rekabentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan kajian kes sebagai rekabentuk kajian. Kajian kes merupakan satu kaedah yang melibatkan pemeriksaan secara mendalam mengenai subjek kajian. Menurut Creswell (2008), kajian kes memfokuskan kepada sesuatu projek penyelidikan yang dilakukan oleh seseorang individu secara mendalam berbanding dengan penyelidikan ataupun aktiviti yang dilakukan secara berkumpulan.

### **3.3 Kaedah Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data dilakukan bagi mendapatkan data-data yang diperlukan untuk menyokong objektif kajian. Kaedah pengumpulan data yang dilakukan ialah pengumpulan data bagi pendekatan kualitatif iaitu secara temu bual dan pemerhatian, manakala bagi pendekatan kuantitatif ialah tinjauan.

a) Kaedah Temu Bual

Temu bual merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam pendekatan kualitatif. Temu bual boleh dilakukan dalam dua bentuk iaitu temu bual berstruktur dan tidak berstruktur (Samad 2014). Temu bual dilakukan bagi bertanyakan soalan dan mendapatkan pandangan tentang persoalan dalam kajian yang dilakukan dengan lebih terperinci. Pengkaji memilih temu bual tidak berstruktur yang boleh membantu pengkaji untuk mengemukakan soalan dengan lebih banyak kepada informan. Sebelum menjalankan temu bual, pengkaji akan menjelaskan objektif dan tujuan kajian dilakukan bagi mendapatkan kerjasama daripada informan. Pengkaji juga akan memberi jaminan bahawa maklumat yang diterima hanya akan digunakan bagi tujuan penyelidikan sahaja.

Pengkaji menggunakan temu bual tidak berstruktur kepada lapan informan iaitu kepada seorang kurator muzium, seorang pembantu muzium dan enam orang pengunjung muzium. Pengkaji menjalankan temu bual di Muzium Sultan Alam Shah, pada bulan September 2023 dan Oktober 2023 bersama informan samada secara bersemuka atau dalam talian. Informan dimaklumkan terlebih dahulu tentang sesi temu bual yang dijalankan. Soalan yang diajukan kepada informan adalah soalan yang berkaitan dengan objektif kajian.

b) Kaedah Pemerhatian

Menurut Ahmad Jamburi (2010), pemerhatian ialah cara untuk mengukur pemboleh ubah penyelidikan. Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan yang boleh digunapakai sebagai maklumat sokongan terhadap penyelidikan. Melalui kaedah ini, pengkaji

dapat melihat dan memerhatikan gerak-geri informan yang perlu dikaji. Segala peristiwa dan tingkah laku juga boleh direkodkan melalui pemerhatian.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian dengan tanpa penglibatan. Kaedah ini dilakukan dengan cara membuat pemerhatian terhadap informan dan tidak terlibat dalam tingkah laku sosial. Pengkaji memerhatikan bagaimana terjadinya pendidikan tidak formal kepada pengunjung terutamanya generasi muda di Muzium Sultan Alam Shah. Pengkaji juga memerhati dan meninjau beberapa orang informan yang memenuhi kriteria tertentu sebagai informan untuk kajian. Pengkaji memainkan peranan melihat tingkah-laku, mendengar dari jauh atau dekat dan merekodkan keadaan semasa.

c) Kaedah Tinjauan

Kaedah tinjauan merupakan sebuah kaedah untuk menjalankan soal selidik. Menurut Ahmad Jamburi (2010), soal selidik merupakan satu kaedah untuk memperolehi fakta dan mengumpul data tentang sesuatu keadaan dengan menggunakan set soalan berstruktur. Soal selidik bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada responden dengan cara yang mudah dan menjimatkan kos tanpa memerlukan campur tangan daripada pengkaji. Bagi mendapatkan data dan maklum balas responden daripada soal selidik yang diberikan, pengkaji mengambil masa dua bulan antara bulan Ogos 2023 hingga bulan September 2023. Tempoh masa ini adalah peruntukan masa untuk mengumpul jawapan daripada responden. Tinjauan dan soal selidik diberikan kepada golongan yang berumur antara bawah 19 tahun hingga atas 60 tahun. Pengkaji telah menyediakan borang soal selidik yang mempunyai empat bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C, dan bahagian D.

Borang soal selidik yang diedarkan mengandungi empat bahagian utama iaitu bahagian A yang berkaitan demografi responden yang mempunyai soalan berkaitan umur, jantina, pekerjaan dan kunjungan responden ke muzium. Seterusnya, bahagian B tentang mengenal pasti objek dan koleksi pameran yang menjadi tarikan generasi muda di Muzium Sultan Alam Shah. Kemudian, bahagian C yang mengkaji jenis-jenis maklumat yang diterima oleh generasi muda melalui lawatan di Muzium Sultan Alam Shah. Akhir sekali, bahagian D menganalisis aktiviti yang dilakukan oleh pihak muzium dalam memberikan pendidikan tidak formal kepada generasi muda.

Setiap kenyataan yang disenaraikan mengikut kepada skala likert satu hingga lima iaitu Sangat Tidak Setuju (1), Tidak Setuju (2), Tidak Pasti (3), Setuju (4) dan Sangat Setuju (5). Tinjauan dan soal selidik yang dilakukan ini dapat memberikan pandangan sebenar responden terhadap soalan yang diajukan kepada mereka.

### **3.4 Sumber Data**

Sumber data yang digunakan dalam kajian ini adalah data primer dan data sekunder. Data-data ini dapat membantu dalam pengumpulan maklumat secara efektif.

#### **3.4.1 Data Primer**

Menurut Rohana Yusof (2004), data primer adalah data yang berasal dari sumber asli atau sumber pertama. Data primer dalam kajian ini merupakan data yang dikumpulkan oleh pengkaji hasil daripada temu bual, pemerhatian dan tinjauan. Melalui data ini, pengkaji mendapatkan data secara langsung daripada proses kaedah kajian yang



dijalankan. Pengumpulan data primer hanya boleh dikumpulkan dan disimpan oleh pengkaji sebagai bahan penyelidikan sahaja. Bahan ini juga tidak boleh dikongsi kepada orang lain semasa kajian dijalankan.

### **3.4.2 Data Sekunder**

Menurut Sabitha Marican (2005), data sekunder adalah data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain. Data sekunder merangkumi bahan dan data-data sedia ada mengenai penyelidikan yang dijalankan. Hal ini termasuk rujukan daripada perpustakaan dan internet seperti jurnal, buku, artikel dan sebagainya. Pengkaji akan melihat kajian-kajian lepas yang sesuai bagi menjawab persoalan kajian bagi mendapatkan kenyataan yang menyokong maklumat yang dikumpulkan oleh pengkaji dengan lebih jelas. Kaedah ini dapat memberikan maklumat-maklumat yang tidak mencukupi semasa menjalankan kajian.

Data-data daripada buku merupakan kajian lepas sumber dan rujukan yang boleh mengukuhkan dan menyokong fakta yang diperolehi oleh pengkaji. Maklumat buku seperti penulis, tahun diterbitkan dan tajuk buku diletakkan dibahagian rujukan. Selain daripada buku, pengkaji juga boleh mendapatkan data daripada jurnal, artikel dan akhbar semasa. Justeru, pengkaji mendapatkan kajian daripada perpustakaan bagi mengetahui perkara berkaitan kesan pameran muzium kepada pembelajaran tidak formal untuk menyokong kaedah kajian.

Maklumat juga akan dikumpulkan melalui rujukan daripada sumber internet. Sumber dan maklumat yang diperlukan dapat diakses dengan lebih mudah dan cepat. Melalui carian ini, pengkaji menggunakan laman web bagi mengumpul data-data yang berkaitan menggunakan kata kunci. Pengkaji juga dapat melihat dan memperolehi bahan rujukan yang tidak boleh didapati di perpustakaan.

### **3.5 Alat Bantu Kajian**

Temu bual yang dijalankan perlu direkodkan supaya pengkaji dapat meneliti semula maklumat yang telah diberikan oleh informan. Pengkaji menggunakan telefon bimbit untuk merekod perbincangan antara pengkaji dengan informan. Kaedah pemerhatian di lokasi kajian juga diperlukan bagi mendapatkan hasil dan pemahaman tentang kawasan kajian. Melalui pemerhatian juga, pengkaji mendapatkan maklumat daripada setiap perkara yang diperhatikan. Telefon bimbit digunakan semasa pemerhatian dilakukan bagi merakam kejadian yang berlaku semasa proses pemerhatian dijalankan. Gambar-gambar kawasan kajian juga diambil sebagai bukti kajian dan memudahkan pengkaji untuk melihat semula dan menganalisis tempat yang dilihat dengan lebih teliti.

### **3.6 Pensampelan Kajian**

Menurut Noah (2002) pensampelan merupakan kaedah yang digunakan bagi memenuhi tujuan kajian. Kaedah pensampelan kajian dapat menentukan kesahihan data yang diperolehi. Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan bertujuan dan kaedah pensampelan bebola salji. Melalui pensampelan ini, pengkaji dapat menentukan sejauh mana data yang diperolehi memenuhi kehendak objektif kajian.

Kaedah pensampelan bertujuan terhad kepada individu tertentu yang boleh memberikan maklumat seperti yang dikehendaki sahaja (Sekaran, 2003). Individu yang dipilih berdasarkan pensampelan bertujuan adalah individu yang mempunyai kriteria berdasarkan kepada tujuan penyelidikan. Dalam penyelidikan ini, pengkaji akan memfokuskan kepada Muzium Sultan Alam Shah sebagai institusi pendidikan tidak formal kepada generasi muda. Oleh itu, secara tidak langsung, kajian ini akan memfokuskan kepada pengunjung terutamanya generasi muda terhadap perkara yang telah mereka pelajari semasa berkunjung ke muzium.

Jadual 3.1: Data Informan

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

<b>Kod</b>	<b>Jantina</b>	<b>Umur</b>	<b>Pekerjaan</b>
Informan 1	Perempuan	24 Tahun	Pengunjung Muzium
Informan 2	Perempuan	23 Tahun	Pengunjung Muzium
Informan 3	Perempuan	24 Tahun	Pengunjung Muzium
Informan 4	Lelaki	20 Tahun	Pengunjung Muzium
Informan 5	Perempuan	28 Tahun	Pengunjung Muzium
Informan 6	Lelaki	29 Tahun	Pengunjung Muzium
Informan 7	Lelaki	43 Tahun	Pekerja Muzium
Informan 8	Lelaki	36 Tahun	Pekerja Muzium

Jadual 3.1 merupakan maklumat bilangan informan terhadap temu bual mengenai Muzium Sultan Alam Shah sebagai institusi pendidikan tidak formal kepada generasi muda. Informan seramai lapan orang merupakan individu yang telah mengunjungi muzium dan mempunyai pengetahuan tentang Muzium Sultan Alam Shah. Informan adalah berusia daripada lingkungan umur 20 tahun hingga 40 tahun. Informan juga terdiri daripada lelaki dan perempuan. Pengetahuan ini adalah mengenai pameran dan objek yang ada di muzium, jenis-jenis maklumat yang telah diterima oleh informan dan aktiviti yang dijalankan oleh pihak muzium.

Kaedah pensampelan bebola salji ataupun *snowball sampling* adalah kaedah pensampelan bukan kebarangkalian. Kaedah ini digunakan untuk memilih responden yang mempunyai potensi untuk memberikan data yang berkaitan dengan objektif kajian. Melalui kaedah ini, responden kajian boleh memberikan pendapat mengenai individu lain yang bersesuaian dengan kajian. Dalam kaedah ini, komuniti di kawasan Muzium Sultan Alam Shah dipilih kerana berkemungkinan mempunyai kriteria individu yang bersesuaian dengan objektif kajian.

Jadual 3.2 Size Sampel Krejcie & Morgan


Table for Determining Sample Size from a Given Population					
N	S	N	S	N	S
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	302
25	24	250	152	1500	306
30	28	260	155	1600	310
35	32	270	159	1700	313
40	36	280	162	1800	317
45	40	290	165	1900	320
50	44	300	169	2000	322
55	48	320	175	2200	327
60	52	340	181	2400	331
65	56	360	186	2600	335
70	59	380	191	2800	338
75	63	400	196	3000	341
80	66	420	201	3500	346
85	70	440	205	4000	351
90	73	460	210	4500	354
95	76	480	214	5000	357
100	80	500	217	6000	361
110	86	550	226	7000	364
120	92	600	234	8000	367
130	97	650	242	9000	368

Jadual 3.2 menunjukkan sampel saiz oleh Krejcie & Morgan. Pengkaji merujuk kepada jadual ini dalam menentukan bilangan responden yang akan menjawab soal selidik bagi kajian yang dilakukan. Jumlah responden yang diperlukan untuk kajian ini adalah seramai 368 orang. Hal ini kerana jumlah populasi yang berada di sekitar kawasan Muzium Sultan Alam Shah adalah seramai 9000 orang. (rujukan)

### 3.7 Analisis Data

Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan dua kaedah analisis data iaitu analisis tematik dan analisis deskriptif. Untuk analisis data bagi pendekatan kualitatif, pengkaji menggunakan analisis tematik untuk menganalisis dan menghuraikan data-data yang telah diperolehi. Manakala, bagi pendekatan kuantitatif, pengkaji akan menggunakan analisis deskriptif bagi menganalisis dan menghuraikan kekerapan data yang telah diberikan oleh responden dalam borang soal selidik.

#### a) Analisis Tematik



Rajah 3.1 Proses Analisis Data

Rajah 3.1 menunjukkan proses menganalisis data dalam kaedah tematik. Pengkaji memulakan dengan transkripsi data dan berakhir dengan triangulasi untuk memindahkan data daripada rakaman kepada bentuk penulisan semasa proses temu bual dan pemerhatian.

i. Transkripsi Data

Transkripsi data (Rajah 3.2) merupakan proses di mana pengkaji akan menyusun dan menulis semula semua maklumat dan data yang terkandung dalam rakaman. Hal ini dilakukan bagi mendapatkan data yang lebih mudah untuk difahami. Penggunaan telefon bimbit sebagai alat rakaman merupakan cara yang digunakan setiap kali temu bual dilakukan. Penggunaan alat ini juga dapat membantu pengkaji menyimpan hasil kajian untuk digunakan sepanjang proses analisis data dilakukan. Melalui rakaman audio juga, pengkaji dapat menjalankan proses analisis tanpa berlakunya ketidak jelasan maklumat atau kecaciran data.

B	<p>Okay, so berkenaan pengalaman yang saya rasa time saya melawat muzium ni. Emm pengalaman saya sendiri eh. Obviously, saya rasa sangat excited dan seronok sebab saya memang nak sangat pergi muzium dari dulu tapi before this saya macam terbantut nak pergi sebab tak ramai orang minat sejarah jadinya saya macam takde kawan nak pergi. Jadinya, bila ada kawan saya ajak pergi muzium sekali, so saya rasa macam okay jom kita pergi sebab I nak tengok apa yang ada dekat <u>muzium</u> tu kan macam <u>seronokla</u> sebab banyak benda yang saya boleh pelajari banyak benda yang saya boleh tengok kat muzium tu. Macam lagi best sebab ada kawan yang kita boleh cakap sama-sama pasal muzium tu kan. So memang experience yang saya <u>lawat</u> muzium ni sangat best. Setakat ni memang takde yang menghampakanlah.</p>
A	<p>Betul cik datang ke muzium ni memang best sebab kita dapat tengok benda baru kan. So bergerak ke soalan seterusnya, bagaimana lawatan cik ke muzium ini dapat mempengaruhi cara pemikiran cik?</p>
B	<p>Okay untuk soalan ni macam mana lawatan ni dapat mempengaruhi pemikiran saya. Haa saya ada cakap tak before this saya memang seorang yang sangat minat sejarah? Okay so kalau saya takde cakap lagi saya memang nak cakaplah yang saya memang sangat-sangat minat sejarah dan perkara yang berkaitan dengan dia. So kalau macam dulu dekat sekolah, sejarah tu memang one of my favorite subject lah sebab kita macam seronok tau bila kita dapat belajar tentang sejarah. Sebabnya, kita <u>tk</u> hidup zaman tu, so once kita baca tentang zaman tu kita macam ohh zaman ni macam tu zaman ni macam tu. Okay so, aa since saya memang seseorang yang meminati sejarah dan perkara yang berkaitan dengan sejarah. lawatan ke muzium tu</p>


Rajah 3.2 Transkrip Data Temu Bual Bersama Informan

ii. Pengekodan

Pengekodan merupakan proses memberikan kod atau perkataan bagi mengenal pasti data yang disusun untuk analisis yang seterusnya. Dalam proses ini, pengkaji akan membaca semula penulisan yang telah dilakukan semasa menganalisis maklumat daripada proses transkrip data. Pengkaji juga akan memilih jawapan soal selidik yang relevan dengan kajian tentang Muzium Sultan Alam Shah Sebagai Institusi Pendidikan Tidak Formal Kepada Generasi Muda. Proses ini penting bagi memastikan tiada kesalahan semasa data dimasukkan.

iii. Penentuan Tema

Penentuan tema merupakan idea-idea yang dikeluarkan daripada data untuk membentuk sebuah tema utama. Penentuan tema (Rajah 3.3) ini memfokuskan kepada isi-isi penting yang terdapat dalam data. Melalui proses ini, maklumat dapat dikelaskan mengikut keutamaannya. Maklumat dan isi penting yang difokuskan akan menjadi panduan untuk mencapai objektif kajian.



Rajah 3.3 Pengekodan Temu Bual Bersama Informan



iv. Laporan

Berdasarkan kepada maklumat dan data yang telah dikumpul, pengkaji membuat laporan setelah mengenali tema dalam kajian yang dilakukan. Hasil laporan ini adalah secara menyeluruh dan lengkap. Laporan yang dibuat adalah berdasarkan kepada penyusunan data secara kritikal dan mengenal pastian tema.

v. Triangulasi

Proses triangulasi adalah proses mencampurkan sumber data, tenaga pengkaji dan teknik yang digunakan dalam metodologi kajian. Proses ini menggunakan semua teori yang dipraktikkan dalam metodologi kajian sepanjang proses kajian dijalankan. Setiap data yang dikumpulkan mestilah berkaitan dan sesuai dengan objektif kajian. Semua data yang diperolehi daripada temu bual, pemerhatian, tinjauan, soal selidik, serta maklumat yang diperolehi daripada data sekunder seperti artikel, jurnal, buku dan akhbar akan digabungkan untuk membentuk sebuah maklumat yang lengkap.

b) Analisis Deskriptif

Melalui analisis deskriptif, pengkaji dapat memperoleh peratusan data berdasarkan kekerapan yang dipilih oleh responden dalam borang soal selidik yang diberikan. Borang soal selidik yang terbahagi kepada empat bahagian dapat memudahkan responden untuk memahami kajian dan menjawab soal selidik dengan lebih teratur. Setiap maklumat dan data yang dikumpulkan mempengaruhi hasil dapatan kajian. Keputusan yang dipilih oleh responden juga mempengaruhi keputusan data secara keseluruhan. Teknik pengumpulan data ini perlu diatur dengan teliti bagi

mengelakkan kesilapan kemasukan data mengenai kajian yang dilakukan. Analisis ini akan menunjukkan data-data dalam bentuk bacaan skor purata (mean) dan sisihan piawai (SD). Analisis ini menggunakan skala likert daripada sangat tidak setuju sehingga sangat setuju.

Timestamp	1. Jantina	2. Umur	3. Pekerjaan	4. Adakah Anda Pen	Objek Dan Koleksi F	Muzium Sultan Alan	Muzium Sultan Alan	Muzium Sultan Alan	Muzium Sultan Alan	Muzium Sut
12/16/2023 10:07:03	Perempuan	20 - 29 tahun	Pelajar	Ya	Balai Warisan Alam Sem	5	5	5	5	5
12/16/2023 10:13:44	Lelaki	Bawah 19 tahun	Tidak Bekerja	Ya	Balai Sukan	4	5	5	5	5
12/16/2023 10:20:59	Lelaki	20 - 29 tahun	Pelajar	Ya	Balai Sejarah	4	4	4	4	4
12/16/2023 10:23:07	Lelaki	20 - 29 tahun	Pelajar	Ya	Balai Kebudayaan, Balai	5	5	5	5	5
12/16/2023 10:24:24	Perempuan	30 - 39 tahun	Pekerja Sivasta	Ya	Balai Sejarah, Balai Kebu	5	5	5	5	5
12/16/2023 10:25:44	Perempuan	30 - 39 tahun	Kakitangan Kerajaan	Ya	Balai Sejarah, Balai Kebu	4	4	4	4	4
12/16/2023 10:42:01	Perempuan	20 - 29 tahun	Pekerja Sivasta	Ya	Balai Sejarah, Balai Kebu	5	5	4	5	5
12/16/2023 10:42:12	Perempuan	20 - 29 tahun	Pelajar	Tidak	Balai Warisan Alam Sem	5	5	5	5	5
12/16/2023 10:43:01	Perempuan	20 - 29 tahun	Pelajar	Ya	Balai Sejarah, Balai Kebu	4	4	4	4	4
12/16/2023 10:47:27	Perempuan	20 - 29 tahun	Pelajar	Tidak	Balai Sejarah, Balai Kebu	5	5	5	5	5
12/16/2023 10:48:02	Perempuan	20 - 29 tahun	Pelajar	Tidak	Balai Kebudayaan	4	4	4	4	4
12/16/2023 10:49:52	Lelaki	20 - 29 tahun	Pekerja Sivasta	Ya	Balai Sejarah, Balai Kebu	4	4	4	4	4
12/16/2023 10:59:02	Perempuan	20 - 29 tahun	Pekerja Sivasta	Tidak	Balai Sejarah, Balai Kebu	4	5	4	4	4
12/16/2023 11:03:15	Lelaki	20 - 29 tahun	Bekerja Sendiri	Ya	Balai Kebudayaan	5	5	5	5	5
12/16/2023 11:08:13	Perempuan	20 - 29 tahun	Tidak Bekerja	Ya	Balai Islam	4	4	5	5	5
12/16/2023 11:11:29	Perempuan	20 - 29 tahun	Pekerja Sivasta	Tidak	Balai Sejarah, Balai Kebu	4	5	5	5	5
12/16/2023 11:35:59	Lelaki	20 - 29 tahun	Pelajar	Tidak	Balai Sejarah, Balai Kebu	4	3	4	4	4
12/16/2023 12:31:59	Perempuan	20 - 29 tahun	Pelajar	Ya	Balai Warisan Alam Sem	5	5	5	5	5
12/16/2023 12:32:04	Perempuan	20 - 29 tahun	Pekerja Sivasta	Ya	Balai Sejarah, Balai Kebu	4	4	3	4	4
12/16/2023 12:32:29	Perempuan	20 - 29 tahun	Pekerja Sivasta	Tidak	Balai Sejarah, Balai Islam	4	4	4	4	4
12/16/2023 12:49:35	Perempuan	20 - 29 tahun	Kakitangan Kerajaan	Tidak	Balai Kebudayaan	4	4	4	4	4
12/16/2023 13:46:43	Perempuan	20 - 29 tahun	Pelajar	Tidak	Balai Kebudayaan	5	5	5	5	5
12/16/2023 15:30:31	Perempuan	20 - 29 tahun	Pekerja Sivasta	Tidak	Balai Kebudayaan	4	4	4	4	3
12/16/2023 15:37:58	Lelaki	20 - 29 tahun	Tidak Bekerja	Tidak	Balai Kebudayaan	4	3	4	4	4
12/16/2023 16:40:43	Perempuan	20 - 29 tahun	Tidak Bekerja	Ya	Balai Sejarah, Balai Kebu	4	4	4	4	4

Rajah 3.4 Analisis GoogleForm Responden

Rajah 3.4 merupakan data yang telah diperolehi melalui GoogleForm yang diedarkan kepada 309 orang responden.

### 3.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, metodologi kajian merupakan salah satu perkara yang penting semasa menjalankan kajian. Melalui metodologi kajian juga, pengkaji dapat memperolehi data dan maklumat dengan lebih menyeluruh. Oleh itu, pengkaji menggunakan kaedah campuran untuk melengkapkan pencarian data dan mencapai objektif dalam kajian ini. Pendekatan kualitatif dan pendekatan kuantitatif telah digunakan dalam kaedah dengan menggunakan data-data daripada temu bual, pemerhatian dan borang soal selidik.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi daripada temu bual, pemerhatian dan soal selidik tentang kajian Muzium Sultan Alam Shah Sebagai Institusi Pendidikan Tidak Formal Kepada Generasi Muda. Hasil kajian ini membincangkan tentang mengenal pasti objek dan koleksi pameran yang menjadi tarikan generasi muda di Muzium Sultan Alam Shah, mengkaji jenis-jenis maklumat yang diterima oleh generasi muda melalui lawatan di Muzium Sultan Alam Shah dan menganalisis aktiviti yang dilakukan oleh pihak muzium dalam memberikan pendidikan tidak formal kepada generasi muda.

Bagi menyokong objektif kajian, temu bual dan soal selidik telah dilakukan oleh pengkaji. Dalam kajian ini, temu bual bersama lapan orang informan iaitu dua orang pegawai daripada Muzium Sultan Alam Shah, enam orang pengunjung di Muzium Sultan Alam Shah dan yang pernah mengunjungi Muzium Sultan Alam Shah. Data-data ini diperolehi daripada analisis transkripsi temu bual. Soal selidik pula dilakukan dengan menggunakan *Google Form* dan diedarkan kepada 309 orang responden secara rawak.

Borang soal selidik yang diedarkan mengandungi empat bahagian utama iaitu bahagian A yang berkaitan demografi responden. Seterusnya, bahagian B tentang mengenal pasti objek dan koleksi pameran yang menjadi tarikan generasi muda di Muzium Sultan Alam Shah. Kemudian, bahagian C adalah mengkaji jenis-jenis maklumat yang diterima oleh generasi muda melalui lawatan di Muzium Sultan Alam Shah. Akhir sekali, bahagian D menganalisis aktiviti yang dilakukan oleh pihak muzium dalam

memberikan pendidikan tidak formal kepada generasi muda. Data yang diperoleh daripada soal selidik ini disokong oleh maklumat yang diterima daripada informan-informan yang telah ditemu bual bagi menguatkan lagi data yang telah diterima.

#### 4.1 Demografi Responden

Soal selidik yang telah diedarkan secara talian telah menerima maklum balas daripada 309 orang responden. Pada bahagian A, pengkaji telah mendapatkan demografi responden daripada segi dan aspek yang menentukan jantina, umur, pekerjaan dan kenyataan sama ada responden telah mengunjungi Muzium Sultan Alam Shah ataupun belum daripada borang soal selidik. Data ini dipersembahkan dalam bentuk jadual seperti berikut:

Jadual 4.1 Jantina Responden

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Jantina		Kekerapan	Peratus (%)
Data Diperolehi	Lelaki	148	47.9
	Perempuan	161	52.1
	Jumlah	309	100

Jadual 4.1 menunjukkan dua kategori jantina responden iaitu lelaki dan perempuan. Data daripada kajian mendapati bahawa peratusan jantina bagi lelaki adalah 47.9% (148 orang). Data peratusan jantina bagi perempuan pula adalah 52.1% (161 orang). Jumlah keseluruhan responden yang menjawab soal selidik ini ialah seramai 309 orang (100%).

Jadual 4.2 Umur Responden

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Umur		Kekerapan	Peratus (%)
Data Diperolehi	Bawah 19 Tahun	7	2.3
	20-29 Tahun	225	72.8
	30-39 Tahun	70	22.7
	40-49 Tahun	3	1
	50-59 Tahun	2	0.6
	60 Tahun Ke Atas	2	0.6
	Jumlah	309	100

Jadual 4.2 menunjukkan enam kategori umur responden iaitu lingkungan umur 19 tahun ke bawah, 20-29 tahun, 30-39 tahun, 40-49 tahun 50-59 tahun dan 60 tahun ke atas. Data daripada kajian ini mendapati bahawa peratus umur tertinggi responden berada dalam kategori umur 20 - 29 tahun iaitu 72.8% (225 orang) dan seterusnya umur responden pada kategori 30-39 tahun (22.7%) dan seramai 70 orang. Seterusnya, umur responden dalam kategori bawah 19 tahun adalah seramai 7 orang (2.3%) dan diikuti umur responden pada kategori 40 - 49 tahun dan seramai 3 orang (1%). Kategori umur bagi 50 - 59 tahun iaitu seramai 2 orang (0.6%) dan umur 60 tahun ke atas seramai 2 orang (0.6%) merupakan jumlah yang sama dan terendah dalam data yang telah diperolehi hasil daripada kajian soal selidik kepada 309 responden secara rawak.

Jadual 4.3 Pekerjaan Responden

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Pekerjaan		Kekerapan	Peratus (%)
Data Diperolehi	Kakitangan Kerajaan	76	24.6
	Pekerja Swasta	78	25.2
	Bekerja Sendiri	66	21.4
	Pelajar	26	8.4
	Tidak Bekerja	63	20.4

	Jumlah	309	100
--	--------	-----	-----

Jadual 4.3 menunjukkan lima kategori pekerjaan responden iaitu kakitangan kerajaan, pekerja swasta, bekerja sendiri, pelajar dan tidak bekerja. Hasil data daripada kajian ini telah menunjukkan bahawa responden yang berstatus pekerja swasta merupakan kategori yang paling ramai dengan bilangan responden adalah seramai 78 orang (25.2%). Manakala responden yang berstatus kakitangan kerajaan pula adalah seramai 76 orang (24.6%). Seterusnya, responden yang berstatus bekerja sendiri adalah seramai 66 orang (21.4%). Diikuti dengan responden yang berstatus tidak bekerja adalah seramai 63 orang (20.4%). Akhir sekali, responden yang mempunyai kekerapan yang sedikit adalah responden berstatus pelajar adalah seramai 26 orang (8,4%).

Jadual 4.4 Kunjungan Responden Ke Muzium Sultan Alam Shah

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Kunjungan Ke Muzium		Kekerapan	Peratus (%)
Data Diperolehi	Pernah Mengunjungi Muzium	160	51.8
	Tidak Pernah Mengunjungi Muzium	149	48.2
	Jumlah	309	100

Jadual 4.4 merupakan data yang menunjukkan jumlah responden yang telah mengunjungi atau yang belum pernah mengunjungi Muzium Sultan Alam Shah. Daripada data ini, seramai 160 orang (51.8%) responden telah mengunjungi Muzium Sultan Alam Shah. Manakala, seramai 149 orang (48.2%) responden belum pernah mengunjungi Muzium Sultan Alam Shah.

#### 4.2 Kekerapan Pengunjung Datang Ke Muzium

Maklumat yang diperolehi oleh pengunjung adalah hasil daripada kunjungan mereka ke muzium. Oleh itu, kekerapan pengunjung datang ke muzium juga merupakan salah satu perkara yang perlu diketahui bagi mengetahui adakah muzium mempunyai daya tarikan dan juga dapat memberikan pengetahuan kepada pengunjung sehingga mereka akan datang semula ke muzium.

Jadual 4.5 Kekerapan Pengunjung Yang Datang Ke Muzium

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Kekerapan Pengunjung		Kekerapan	Peratusan (%)
Data Diperolehi	Setiap Hari	47	15.2
	Sekali Seminggu	44	14.2
	Sekali Sebulan	48	15.5
	Sekali Setahun	57	18.4



	Jarang-Jarang	58	18.8
	Tidak Pernah	55	17.8
	Jumlah	309	100

Jadual 4.5 merupakan data yang menunjukkan kekerapan responden datang ke muzium. Daripada data ini, terdapat enam pengkelasan bahagian data yang diperolehi iaitu setiap hari, sekali seminggu, sekali sebulan, sekali setahun, jarang-jarang dan tidak pernah. Hasil daripada data ini menunjukkan bahawa kekerapan tertinggi responden berkunjung ke muzium adalah jarang-jarang iaitu seramai 58 orang (18.8) dan diikuti dengan sekali setahun seramai 57 orang (18.4). Seterusnya, tidak pernah seramai 55 orang (17.8). Kemudian sekali sebulan seramai 48 orang (15.5). Akhir sekali, setiap hari seramai 47 orang (15.2). Dan data kekerapan pengunjung yang paling sedikit ialah seminggu sekali seramai 44 orang (14.2).

#### 4.3 Faktor Kedatangan Pengunjung Ke Muzium

Muzium yang menarik dan mempunyai pelbagai alternatif ataupun cara untuk menarik minat pengunjung merupakan muzium yang mampu menambah jumlah kedatangan pengunjung ke muzium. Dengan adanya pameran, aktiviti dan juga informasi yang menarik yang ditawarkan oleh pihak muzium kepada pengunjung secara tidak langsung dapat memberikan pengalaman yang menarik kepada pengunjung bahkan pengunjung berkemungkinan akan berkunjung semula ke muzium. Menurut Informan 4 (temu bual, 28 September 2023), pengunjung dapat merasai pengalaman yang menarik

kerana Muzium Sultan Alam Shah telah menyediakan pelbagai pameran yang menarik. Muzium ini juga mempunyai pameran-pameran sementara yang memberikan maklumat yang berguna kepada pengunjung. Bahkan pengunjung berhajat untuk berkunjung semula ke muzium bersama kawan-kawan. Oleh itu dapat dilihat bahawa kunjungan yang memberikan pengalaman menarik kepada pengunjung boleh menjadi salah satu faktor kedatangan ke muzium.

a) Pengalaman Yang Dirasai Oleh Pengunjung

Pengunjung dan pelawat yang menerima pengalaman yang menarik berkemungkinan besar memperolehi pendidikan tidak formal dengan lebih baik dan lebih berkesan. Hal ini disokong dengan kenyataan Informan 1 yang menyatakan bahawa ‘saya telah merasai pengalaman yang menarik sepanjang masa saya berkunjung ke muzium ini’ (Temu bual, 24 September 2023). Hal ini juga dinyatakan oleh Informan 3 yang menyatakan, ‘pameran di muzium ini telah menarik minat saya bahkan pameran sementara yang dianjurkan oleh pihak muzium juga mempunyai banyak maklumat telah memberikan saya satu pengetahuan dan pengalaman baru dalam mempelajari sejarah’ (Temu bual, 27 September 2023).

Jadual 4.6 Pengalaman Pengunjung

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Pengalaman Menarik		Kekerapan	Peratusan (%)
Data Diperolehi	Ya	138	44.7

	Kurang Pasti	104	33.7
	Tidak	67	21.7
	Jumlah	309	100

Berdasarkan jadual 4.6 iaitu pengalaman yang dirasai oleh pengunjung ke Muzium Sultan Alam Shah mempunyai tiga pilihan jawapan iaitu ya, kurang pasti dan tidak. Daripada data yang diperolehi, seramai 138 orang (44.7) memberikan jawapan ya. Seterusnya, seramai 104 orang (33.7) memberikan jawapan kurang pasti dan seramai 67 orang (21.7) memberikan jawapan tidak.

b) Pengaruh Rakan Sebaya

Kedatangan pengunjung boleh dipengaruhi oleh banyak faktor. seperti koleksi pameran yang menarik. Terdapat juga faktor-faktor lain seperti ajakan daripada kawan-kawan ataupun rombongan sekolah ke muzium. Menurut Informan 1 (temubual, 24 September 2023) beliau telah datang ke muzium kerana faktor minat terhadap warisan dan sejarah sesuatu tempat. Malah beliau juga menyatakan bahawa faktor lain yang membuatkan beliau tertarik untuk mengunjungi muzium adalah dengan ajakan dan pengaruh rakan sebaya. Oleh itu, faktor kedatangan pengunjung ini perlu dilihat dari pelbagai aspek terutamanya pengaruh yang diperolehi oleh masyarakat sekitar.

c) Pengesyoran Kepada Orang Lain

Pengunjung di muzium boleh meningkat sekiranya terdapat pengunjung yang telah mengunjungi muzium mengesyorkan kunjungan ke Muzium Sultan Alam Shah ini kepada orang lain. Hal ini juga merupakan salah satu perkara yang mempengaruhi kunjungan pelawat ke muzium dalam cara yang berkesan. Pendidikan tidak formal juga tidak akan terjadi sekiranya tiada pengunjung yang datang ke muzium.

Jadual 4.7 Mengesyorkan Muzium Sultan Alam Shah Kepada Orang Lain

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Mengesyorkan Muzium		Kekerapan	Peratusan (%)
Data Diperolehi	Ya	131	42.4
	Kurang Pasti	84	27.2
	Tidak	94	30.4
	Jumlah	309	100

Berdasarkan jadual 4.7 iaitu tentang pengesyoran berkunjung ke muzium kepada orang lain mempunyai tiga pilihan jawapan iaitu ya, kurang pasti dan tidak. Daripada data yang diperolehi dapat kita lihat bahawa seramai 131 orang (42.4) memberikan jawapan ya. Seterusnya, seramai 94 orang (30.4) memberikan jawapan tidak. Dan seramai 84 orang (27.2) memberikan jawapan kurang pasti

d) Kunjungan Semula Pengunjung Ke Muzium Sultan Alam Shah

Kunjungan semula pengunjung ke muzium merupakan salah satu bukti yang menunjukkan bahawa Muzium Sultan Alam Shah merupakan salah satu muzium yang ingin dilawati oleh masyarakat lebih daripada sekali. Data ini dapat menunjukkan bahawa kunjungan pengunjung ke muzium untuk kali yang pertama juga merupakan faktor lain yang menyebabkan pengunjung ingin datang ke muzium. Hal ini juga membuktikan bahawa muzium telah memberikan pandangan yang positif kepada pengunjung. Data ini juga dapat menunjukkan bahawa pihak muzium telah melakukan satu usaha yang berjaya menambat hati pengunjung untuk datang semula ke muzium.

Jadual 4.8 Berkunjung Semula Ke Muzium

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Kunjungan Ke Muzium		Kekerapan	Peratusan (%)
Data Diperolehi	Ya	126	40.8
	Kurang Pasti	92	29.8
	Tidak	91	29.4
	Jumlah	309	100

Berdasarkan jadual 4.8 kunjungan semula ke Muzium Sultan Alam Shah mempunyai tiga pilihan jawapan iaitu ya, kurang pasti dan tidak. Daripada data yang diperolehi dapat kita lihat bahawa seramai 126 orang (40.8%) memberikan jawapan ya. Seterusnya, seramai 92 orang (29.8) memberikan jawapan kurang pasti, dan seramai 91 orang (29.4) memberikan jawapan tidak.

#### 4.4 Koleksi Pameran Dan Objek Yang Terdapat Di Muzium Sultan Alam Shah

Dalam kajian ini, koleksi pameran dan objek yang ada dalam Muzium Sultan Alam Shah merupakan perkara utama yang perlu dilihat oleh pengkaji. Hal ini kerana, koleksi pameran dan objek inilah yang menjadi tunjang utama pendidikan tidak formal yang berlaku dalam muzium. Menurut Informan 5 (Temu bual, 1 Disember 2023), “Selalunya, pengunjung yang datang ke muzium ini tujuan utama mereka adalah untuk melihat objek dan koleksi pameran yang ada dalam muzium. Jaranglah pengunjung datang tanpa melihat objek-objek ini.”

Oleh itu, dapat dilihat bahawa muzium tidak dapat beroperasi dengan baik sekiranya tiada objek dan koleksi pameran. Hal ini juga bertepatan dengan fungsi muzium sebagai tempat menyimpan, memelihara, mengkaji dan mempamerkan objek dan koleksi pameran (Dewan Bahasa, 2005).

Jadual 4.9 Senarai Koleksi Pameran Dan Jenis-Jenis Objek Pameran

Sumber: Kajian Lapangan

Koleksi Pameran	Jenis-jenis Objek Pameran
Balai Sejarah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kronologi Sejarah Negeri Selangor</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kronologi Kedatangan Penduduk</li> </ul>
Balai Kebudayaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakaian Tradisional Kaum Perempuan</li> <li>• Pakaian Tradisional Kaum Lelaki</li> <li>• Senarai Adat Dan Upacara Masyarakat Terdahulu</li> <li>• Alat Dan Bahan Yang Digunakan Semasa Upacara Melenggang Perut</li> </ul>
Balai Warisan Alam Semula Jadi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cara Mengawet Haiwan</li> <li>• Replika Haiwan Purba</li> </ul>
Balai Sukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Replika Permainan Tradisional</li> <li>• Ting-Ting</li> <li>• Dam Haji</li> </ul>
Balai Islam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kronologi Kedatangan Islam Ke Negeri Selangor</li> <li>• Replika Adat Dan Upacara Kematian</li> </ul>

Jadual 4.9 menunjukkan lima pameran yang ada di Muzium Sultan Alam Shah. Antara pameran yang ada di muzium ialah pameran Balai Sejarah yang mempunyai kronologi sejarah negeri Selangor dan sejarah kedatangan penduduk ke Selangor. Selain itu, Balai Kebudayaan yang mempunyai pameran pakaian tradisional kaum Perempuan dan lelaki, senarai upacara dan adat yang dilakukan di negeri Selangor dan bahan-bahan yang digunakan semasa upacara dijalankan. Seterusnya, Balai Warisan Alam Semula Jadi yang

mempamerkan cara untuk mengawet haiwan atau serangga dan replika-replika haiwan purba. Seterusnya, Balai Sukan yang mempamerkan permainan tradisional masyarakat Selangor seperti ting-ting dan dam haji. Akhir sekali, Balai Islam yang mempunyai kronologi tentang kedatangan Islam dan replika adat dan upacara kematian yang dilakukan mengikut syariat Islam.


Pameran yang ada di Muzium Sultan Alam Shah ini merupakan pameran yang merujuk kepada asal-usul, sejarah, adat istiadat, agama dan pelbagai lagi perkara yang berkaitan dengan negeri Selangor. Menurut Informan 5 (Temu bual, 1 Disember 2023), muzium ini mempunyai lima balai pameran yang mempamerkan objek-objek yang berlainan. Antara balai pameran yang ada dalam muzium ini ialah Balai Pameran Sejarah, Balai Pameran Adat dan Budaya, Balai Pameran Alam Semula Jadi, Balai Pameran Sukan dan Balai Pameran Agama Islam. Oleh itu dapat kita lihat bahawa pameran yang ada di muzium ini merangkumi kebanyakan aspek kehidupan manusia.

#### **4.5 Pameran Yang Menjadi Tarikan Pengunjung Di Muzium Sultan Alam Shah**

Muzium Sultan Alam Shah mempunyai pelbagai jenis pameran. Terdapat beberapa jenis pameran yang menjadi tarikan pengunjung. Pengkaji perlu mengetahui jenis pameran yang paling menarik perhatian pengunjung merupakan objektif yang perlu dicapai dalam kajian ini. Oleh itu, borang soal selidik yang menyatakan soalan tentang pameran yang menarik dalam muzium telah diedarkan kepada responden. Berdasarkan kepada data yang diperolehi, pengkaji mengetahui jenis pameran yang telah menarik perhatian pengunjung berdasarkan kekerapan jawapan yang diberikan oleh responden. Terdapat lima pengkelasan pameran pada bahagian ini iaitu Pameran Sejarah, Pameran Kebudayaan, Pameran Alam Semula Jadi, Pameran Permainan Tradisional dan Pameran



Agama Islam. Pada bahagian ini, responden boleh memilih lebih daripada satu pilihan jawapan.



Rajah 4.1 Pameran Yang Menjadi Tarikan Pengunjung.

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Data yang ditunjukkan di Rajah 4.1 adalah mengenai kekerapan data yang diperolehi hasil daripada soal selidik responden. Kekerapan yang paling tinggi tentang objek dan koleksi pameran yang menarik minat generasi muda ialah pameran dalam Balai Warisan Alam Semula Jadi dengan kekerapan sebanyak 191 (61.8%). Seterusnya, kekerapan kedua terbanyak adalah Balai Sejarah dan Balai Islam yang mempunyai kekerapan yang sama iaitu sebanyak 184 (59.5%). Selain itu, kekerapan yang dipilih oleh responden adalah Balai Kebudayaan dengan kekerapan sebanyak 179 (57.9%). Akhir sekali kekerapan paling sedikit ialah Balai Sukan dengan kekerapan sebanyak 170 (55%).

Pameran Balai Warisan Semula Jadi mempunyai replika haiwan dan tumbuhan yang sebenar. Terdapat juga haiwan dan tumbuhan yang diletakkan pada bahagian pameran ini yang merupakan haiwan yang diawet. Pengunjung juga boleh mengetahui cara untuk mengawet haiwan. Hal ini menunjukkan bahawa pameran di balai ini menarik dan mempunyai interaksi antara pengunjung dengan objek pameran.

#### **4.6 Pengetahuan Dan Maklumat Yang Diterima Oleh Pengunjung**

Pengetahuan dan maklumat yang diterima oleh pengunjung daripada lawatan ke muzium merupakan maklumat yang tidak diperolehi di tempat lain. Menurut Informan 3 (Temu bual. 27 September 2023), pengunjung dapat mengetahui tentang maklumat seperti sejarah, adat istiadat, tulisan dan juga cara kehidupan masyarakat pada zaman dahulu. Oleh itu, muzium juga boleh berfungsi sebagai salah satu tempat untuk menyebarkan maklumat secara berkesan kepada masyarakat.

#### **4.7 Pendidikan Tidak Formal Yang Diterima Oleh Pengunjung**

Pendidikan tidak formal yang diterima oleh pengunjung merupakan pendidikan yang diperolehi melalui pemerhatian dan interaksi yang dilakukan dengan objek pameran. Menurut Informan 4 (Temu bual, 30 September 2023) beliau telah melihat dan memperhatikan keadaan dan suasana di sekeliling beliau semasa mengunjungi Muzium Sultan Alam Shah. Daripada pemerhatian beliau, beliau dapat merasai dan dapat mengetahui pelbagai keunikan warisan yang ada di Selangor.

Teori pembelajaran memfokuskan kemahiran individu secara lebih holistik di mana individu tersebut belajar untuk membentuk idea yang lebih kompleks. Teori ini juga digunakan untuk melihat interaksi antara pengunjung dengan koleksi pameran dan objek di muzium yang dapat memberikan pendidikan secara tidak formal kepada pengunjung. Selain itu, teori ini juga diaplikasikan untuk melihat keberkesanan pemerhatian di muzium dalam mewujudkan pemikiran dan pembelajaran terhadap pengunjung mengenai sejarah dalam maklumat yang mereka terima dengan mengunjungi muzium.

Pada bahagian ini, kajian mengenai maklumat yang diterima oleh responden dikelaskan kepada enam bahagian iaitu pengetahuan tentang Sejarah Negeri Selangor, Jenis-Jenis Pakaian Tradisional Orang Selangor, Tumbuhan Dan Haiwan Yang Wujud Pada Zaman Dahulu, Jenis-Jenis Permainan Tradisional, Adat Negeri Selangor dan Agama Islam. Pada bahagian ini, responden diminta menjawab soalan menggunakan skala likert iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS). Data yang dikeluarkan pada bahagian ini adalah berbentuk purata (Mean) dan sisihan piawaian (Standard Deviation).

Jadual 4.10 Maklumat Yang Diterima Oleh Pengunjung Secara Tidak Langsung

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Maklumat Yang Diterima		Mean	SD
Data Diperolehi	Tumbuhan Dan Haiwan Yang Wujud Pada Zaman Dahulu	3.20	1.42

	Adat Negeri Selangor	3.19	1.43
	Sejarah Negeri Selangor	3.16	1.44
	Jenis-Jenis Permainan Tradisional	3.11	1.40
	Jenis-Jenis Pakaian Tradisional Orang Selangor	3.08	1.43
	Agama Islam	3.07	1.41

Jadual 4.10 menunjukkan data tentang maklumat yang diterima oleh pengunjung yang mengunjungi Muzium Sultan Alam Shah. Terdapat enam jenis maklumat yang diterima oleh pengunjung muzium ini. Antaranya ialah sejarah negeri, jenis pakaian, jenis tumbuhan dan haiwan, jenis permainan tradisional, adat negeri dan agama Islam. Berdasarkan hasil dapatan data menyatakan bahawa responden sangat bersetuju bahawa maklumat utama yang diterima ialah maklumat tentang tumbuhan dan haiwan yang wujud di negeri Selangor pada zaman dahulu dengan skor purata 3.20 (SD=1.42). Maklumat kedua yang diterima oleh responden adalah maklumat mengenai adat negeri Selangor dengan skor purata 3.19 (SD=1.43). Di samping itu, maklumat yang diterima oleh responden ialah tentang sejarah Negeri Selangor dengan skor purata 3.16 (SD=1.44). Selain itu, responden menyatakan bahawa maklumat yang diterima ialah jenis-jenis permainan tradisional dengan skor purata 3.11 (SD=1.43). Seterusnya, dapatan maklumat yang diterima oleh pengunjung ialah jenis-jenis pakaian tradisional orang

Selangor dengan skor purata 3.08 (SD=1.43) dan maklumat tentang agama Islam dengan skor purata 3.07 (SD=1.41).

Kesimpulannya, kunjungan pengunjung ke muzium dapat memberikan pendidikan tidak formal kepada pengunjung sekiranya berlaku interaksi ataupun pemerhatian pengunjung terhadap koleksi pameran dan objek di muzium. Kunjungan pengunjung ke muzium juga dapat memberikan pelbagai pengetahuan baru yang tidak diperolehi semasa proses pembelajaran di sekolah. Menurut Hajar (2023), pelajar boleh belajar secara langsung di muzium selain daripada belajar di kelas dan buku teks. Oleh itu, kunjungn ke muzium ini merupakan perkara yang boleh diutamakan untuk golongan generasi muda dalam mempelajari tentang sejarah.

#### 4.8 Keberkesanan Pengetahuan Yang Diterima Oleh Pengunjung

Melalui kajian ini juga, pengkaji akan melihat sejauh mana kunjungan pelawat ke muzium telah memberikan kesan kepada mereka. Pada bahagian ini, pengkaji telah mendapatkan data tentang pengetahuan yang diperolehi oleh responden setelah berkunjung ke Muzium Sultan Alam Shah.

Jadual 4.11 Keberkesanan Maklumat Yang Diterima

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Keberkesanan Maklumat		Kekerapan	Peratusan (%)
Data Diperolehi	Ya	121	39.2
	Kurang Pasti	98	31.7

	Tidak	90	29.1
	Jumlah	309	100

Berdasarkan jadual 4.11 iaitu tentang keberkesanan penyampaian maklumat kepada pengunjung mempunyai tiga pilihan jawapan iaitu ya, kurang pasti dan tidak. Daripada data yang diperolehi dapat kita lihat bahawa seramai 121 orang (39.2) memberikan jawapan ya. Seterusnya, seramai 98 orang (31.7) memberikan jawapan kurang pasti. Dan seramai 90 orang (29.1) memberikan jawapan tidak.

#### **4.9 Aktiviti Yang Dijalankan Di Muzium Sultan Alam Shah**

Terdapat pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh pihak muzium bagi menarik minat orang ramai untuk berkunjung ke muzium. Aktiviti-aktiviti ini secara tidak langsung telah memberikan pendidikan tidak formal kepada pengunjung yang berkunjung ke muzium. Menurut Informan 6 (Temu bual, 3 Oktober 2023) pihak muzium telah menganjurkan pelbagai aktiviti yang menarik pada semua peringkat umur contohnya, Program Kembara Muziumku Warisanku, Program Sahabat Muzium, bengkel penulisan, merasai pengalaman bermain permainan tradisional dan menganjurkan pameran sementara secara berkala. Hal ini menunjukkan terdapat pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh pihak muzium bagi menarik minat pengunjung.

Aktiviti yang dijalankan oleh pihak muzium merupakan salah satu cara interaksi yang menarik antara pengunjung dan juga pihak muzium. Melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan juga secara tidak langsung dapat menarik minat para pengunjung untuk datang ke muzium di samping dapat memberikan pendidikan tidak formal kepada mereka. Pada bahagian ini, pengkaji telah mengeluarkan data tentang aktiviti yang telah memberikan kesan yang mendalam kepada pengunjung. Bahagian ini mempunyai lima pengkelasan iaitu Program Kembara Muziumku Warisanku, Program Sahabat Muzium, Bengkel Penulisan, Bermain Permainan Tradisional dan Pameran Sementara Secara Berkala.

Jadual 4.12 Aktiviti Yang Dijalankan Oleh Pihak Muzium

Bil	Aktiviti Yang Dijalankan Oleh Pihak Muzium	Jenis-Jenis Pembelajaran
1.	Program Kembara Muziumku Warisanku	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengelilingi muzium.</li> <li>• Mempelajari tentang koleksi pameran dan objek di muzium.</li> </ul>
2.	Program Sahabat Muzium	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengambil tahu tentang muzium secara terus.</li> <li>• Mengetahui acara atau program yang dijalankan oleh pihak muzium.</li> </ul>
3.	Bengkel Penulisan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penulisan Khat Jawi</li> </ul>

4.	Bermain Permainan Tradisional	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembelajaran cara bermain permainan tradisional seperti ting-ting dan dam haji.</li> </ul>
5.	Pameran Sementara Secara Berkala	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pameran anak-anak sidek</li> <li>• Pengetahuan selain pameran dan objek utama di muzium.</li> </ul>

Berdasarkan jadual 4.12, terdapat lima aktiviti yang dijalankan di Muzium Sultan Alam Shah. Aktiviti Program Kembara Muziumku Warisanku merupakan aktiviti yang boleh memberikan pengetahuan secara menyeluruh tentang koleksi pameran dan objek yang ada di muzium. Selain itu, Program Sahabat Muzium membolehkan pengunjung untuk mengetahui acara yang dilakukan oleh muzium secara langsung. Seterusnya, bengkel penulisan membolehkan pengunjung untuk mempelajari cara menulis tulisan khat dan jawi. Di samping itu, aktiviti bermain permainan tradisional secara tak langsung mendedahkan kepada pengunjung cara-cara bermain permainan tradisional. Akhir sekali, pameran sementara secara berkala yang dianjurkan oleh pihak muzium semasa muzium di tutup untuk proses baik pulih dapat memberikan pengetahuan selain daripada koleksi pameran dan objek yang ada di muzium kepada pengunjung. Kesimpulannya, aktiviti dan program yang dianjurkan oleh pihak muzium bukan sahaja dapat menarik minat pengunjung berkunjung ke muzium malah aktiviti ini juga memberikan pendidikan secara tidak formal kepada pengunjung yang melibatkan diri dalam aktiviti ini. Oleh itu, selain daripada melihat pameran dan objek yang ada di muzium, pengunjung juga boleh menambah ilmu pengetahuan melalui aktiviti yang dijalankan di muzium.



#### 4.10 Kesimpulan

Daripada data yang diperolehi, dapat disimpulkan bahawa pengkaji telah menganalisis dan mengeluarkan data-data yang diperolehi secara terperinci. Data-data yang diperolehi ini merupakan data yang diperolehi daripada metodologi kajian yang menggunakan kaedah campuran iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Daripada data-data ini, pengkaji secara tidak langsung telah menjawab dan memperkukuhkan kajian dengan menjawab kepada ketiga-tiga objektif iaitu mengenal pasti objek dan koleksi pameran yang menjadi tarikan generasi muda di Muzium Sultan Alam Shah, mengkaji jenis-jenis maklumat yang diterima oleh generasi muda melalui lawatan di Muzium Sultan Alam Shah dan menganalisis aktiviti yang dijalankan oleh pihak muzium dalam memberikan pendidikan tidak formal kepada generasi muda.

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Bab lima membincangkan keseluruhan kesimpulan daripada ke semua lima bab yang dibincangkan dalam kajian ini. Antara bab yang dibincangkan ialah bab satu yang menerangkan tentang pengenalan, bab dua yang membincangkan tentang kajian literatur yang menggunakan kajian lepas sebagai bahan rujukan. Seterusnya, bab tiga menerangkan tentang metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini bagi mendapat data untuk objektif kajian. Bab empat pula merangkumi hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji dan akhir sekali bab ini yang menerangkan tentang keseluruhan bab dan memberikan cadangan penambahbaikan bagi kajian-kajian yang akan dilakukan pada masa akan datang.

#### **5.1 Rumusan**

Bab satu merupakan satu perbincangan tentang pengenalan, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian skop kajian, kepentingan kajian dan lokasi kajian. Bab ini secara umumnya menceritakan tentang latar belakang kajian dan juga bagaimana pendidikan dapat diberikan secara tidak formal melalui kunjungan ke muzium. Kajian ini juga melihat kepada pameran yang ada di muzium dan aktiviti yang dijalankan oleh pihak muzium kepada pengunjung. Justeru, kajian ini berfokuskan kepada generasi dan kelompok muda. Bab satu merupakan rangka utama dalam memperhalus dan melihat corak kajian yang ingin dijalankan. Kepentingan kajian ini juga bukan sahaja berfokuskan kepada generasi muda bahkan kepada pihak muzium dan juga para penyelidik.

Bab dua membincangkan tentang sorotan kajian lepas dan teori yang digunakan dalam menjalankan kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji telah merujuk kepada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan muzium, pendidikan, pendidikan tidak formal dan konteks yang menjelaskan tentang kunjungan pengunjung ke muzium. Pengkaji juga melihat kepada kajian lepas yang membincangkan tentang generasi muda. Pengkaji telah merujuk teori pembelajaran Vygotsky yang menekankan kepada penglibatan dan penyertaan seseorang individu dalam sesebuah acara bagi mendapatkan pengetahuan. Kajian-kajian lepas ini dapat membantu pengkaji menjalankan kajian dengan lebih berkesan dan menjadi panduan kepada para pengkaji.

Bab tiga membincangkan tentang metodologi kajian yang digunakan untuk mendapatkan data bagi kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji menyatakan bahawa kaedah yang digunakan merupakan kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif. Untuk kaedah kualitatif, pengkaji telah melakukan temubual kepada lapan orang informan dan untuk kaedah kuantitatif pengkaji telah memberikan borang soal selidik kepada 309 orang responden. Dalam bab ini ini pengkaji menggunakan sumber data sekunder dan sumber data primer. Data primer ini merupakan temubual dan soal selidik. Data sekunder pula adalah rujukan yang dilakukan dalam jurnal, atas talian, *google scholar* dan berita-berita atas talian. Pensampelan kajian ini adalah pensampelan bebola salji. Analisis kajian adalah tematik untuk memperolehi data kualitatif dan deskriptif untuk memperolehi data kuantitatif.

Bab empat pula membincangkan tentang data-data yang diperolehi daripada temubual dan soal selidik. Bab ini merangkumi semua data yang telah diperolehi sepanjang melakukan kajian. Huraian yang telah diperolehi adalah demografi informan dan responden, pengetahuan yang telah mereka dapati, pengalaman yang mereka rasai dan perkara yang menarik minat mereka. Selain itu, data daripada kajian ini juga telah

menjawab persoalan kajian. Objektif kajian juga telah dicapai dengan data yang diperolehi berdasarkan soalan-soalan berkaitan objek pameran, aktiviti yang dijalankan oleh pihak muzium dan kunjungan pengunjung ke muzium.

## **5.2 Dapatan Utama**

Tujuan kajian ini dijalankan untuk memahami dengan mendalam peranan muzium sebagai institusi yang memberikan pendidikan tidak formal kepada generasi muda. Berdasarkan dapatan kajian terhadap ‘Muzium Sultan Alam Shah Sebagai Institusi Pendidikan Tidak Formal Kepada Generasi Muda’ membuktikan bahawa muzium memainkan peranan yang besar dalam menyalurkan pendidikan tidak formal kepada generasi muda. Melalui kajian ini juga didapati bahawa pameran merupakan perkara utama yang memainkan peranan yang besar dalam menyalurkan maklumat. Melalui koleksi pameran dan objek yang ada di muzium, pengunjung dapat mempelajari dan mengetahui tentang sejarah dan artifak-artifak warisan yang tidak dapat dipelajari atau dilihat semasa proses pembelajaran di kelas. Melalui kunjungan ke muzium juga, pengunjung dapat melihat objek-objek ini secara nyata.

Dapatan kajian utama daripada kajian ini mendapati bahawa setiap balai pameran telah menyumbangkan data yang meluas mengenai sejarah negeri Selangor. Setiap balai pameran ini mempunyai penceritaan yang tersendiri. Balai-balai pameran ini juga merangkumi setiap aspek kehidupan masyarakat negeri Selangor dari segi pemakaian, adat, permainan dan agama. Malahan, penceritaan yang ada di setiap balai ini juga terperinci dan dapat dipelajari oleh pengunjung apabila pengunjung membaca dan memerhati setiap tulisan, koleksi pameran dan objek yang ada di muzium. Hal ini

menunjukkan bahawa kunjungan ke muzium berkesan dalam menyalurkan pengetahuan kepada generasi muda.

Justeru, aktiviti yang dijalankan oleh pihak muzium juga mendapat sambutan dan dilihat dapat menarik minat anak muda untuk mempelajari sejarah dengan cara yang lebih efektif dan interaktif. Secara kesimpulannya, peranan dalam memberikan pendidikan tidak formal kepada generasi muda bukan sahaja peranan yang perlu dimainkan oleh pihak muzium sahaja malah peranan ini perlu dititikberatkan oleh setiap pihak.

### **5.3 Cadangan**

Pendidikan yang disampaikan secara tidak formal sedikit sebanyak akan memberikan kesan yang baik terhadap pengetahuan kita dalam mengenali sesuatu perkara. Pendidikan tidak formal yang diterima oleh generasi muda melalui kunjungan ke muzium secara tidak langsung boleh membantu dalam perkembangan ilmu pengetahuan mengenai warisan dan sejarah. Justeru, bagi memastikan pendidikan itu dapat disampai secara berkesan, setiap pihak perlulah memainkan dalam menyampaikan sesuatu maklumat. Oleh itu, pengkaji mempunyai tiga cadangan yang boleh dilakukan dalam menyampaikan pendidikan tidak formal secara berkesan.

#### **5.3.1 Kajian Akan Datang**

Hasil daripada dapatan kajian ini, pengkaji mencadangkan supaya pengkaji akan datang melakukan kajian yang lebih meluas tentang peranan yang boleh dilakukan oleh masyarakat dalam menyampaikan maklumat yang diterima daripada muzium kepada generasi muda. Di samping itu, kajian mengenai keberkesanan pendedahan awal tentang muzium kepada generasi pada peringkat umur kanak-kanak juga boleh dilakukan

terhadap golongan ibu bapa yang datang berkunjung ke muzium bersama anak-anak mereka. Oleh itu, pengkaji akan datang boleh mendapatkan lebih banyak lagi maklumat tentang peranan yang boleh dilakukan oleh setiap pihak dan memberikan lebih penjelasan yang lebih baik pada masa akan datang.

### **5.3.2 Mewujudkan Pameran Alam Maya**

Pihak Muzium Sultan Alam Shah boleh mewujudkan pameran secara alam maya. Hal ini kerana, pameran secara alam maya ini secara tidak langsung dapat menyebarkan maklumat yang ada dalam muzium dengan lebih meluas. Bahkan pameran alam maya ini juga boleh memudahkan orang ramai untuk mendapatkan maklumat. Pameran alam maya ini boleh dibuat secara lebih menarik dengan meletakkan grafik, mempunyai warna yang sesuai, menggunakan latar yang menarik dan pelbagai lagi.

### **5.3.3 Mengadakan Program Malam Di Muzium**

Bagi menambah lagi aktiviti yang dapat menarik minat pengunjung, Muzium Sultan Alam Shah boleh menganjurkan Program Malam Di Muzium dengan membuka muzium pada waktu malam. Sebagai permulaan, pihak muzium boleh mencuba untuk membuka muzium pada waktu malam pada pukul 8 malam sehingga 11 malam bagi memberikan pengalaman kepada pengunjung untuk merasai pengalaman waktu malam di muzium. Oleh itu, idea pembukaan muzium pada waktu malam juga boleh diusulkan sebagai usaha dalam menarik minat anak muda.

## RUJUKAN

- Abd Jalal, A. F., Abdul Rahim, R. A., & Abd Razak, M. I. (2022). Etika Muzium dalam Disiplin Muzium Semasa berdasarkan Etika Muzium ICOM dan Perspektif Islam (Museum Ethics in Current Museum Discipline Based on ICOM's Museum Ethics and Islamic Perspective). *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 9(2), 1–17.  
<https://doi.org/10.11113/umran2022.9n2.550>
- Ab. Samad Kechot, Yusmilayati Yunos, & Zuraidah Hassan. (n.d.). Proses pendidikan muzium : satu kajian awal. Core.ac.uk.  
[https://core.ac.uk/works/123848517?source=1&algorithmId=15&similarToDoc=84399321&similarToDocKey=CORE&recSetID=5e6de6ef-0cc6-4b14-89a6-0e687227286f&position=4&recommendation\\_type=same\\_repo&otherRecs=84399245](https://core.ac.uk/works/123848517?source=1&algorithmId=15&similarToDoc=84399321&similarToDocKey=CORE&recSetID=5e6de6ef-0cc6-4b14-89a6-0e687227286f&position=4&recommendation_type=same_repo&otherRecs=84399245)
- Ali, S. M. N. S. M. (2019, April 26). Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam ditutup hingga Mei tahun depan. *Sinar Harian*.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/25394/edisi/selangor-kl/muzium-sultan-alam-shah-shah-alam-ditutup-hingga-mei-tahun-depan>
- Asiahjupry. (2018, December 16). Kajian tindakan dan kajian kes.  
<https://www.slideshare.net/asiahjupry/kajian-tindakan-dan-kajian-kes-125981071>
- Assignment Ethic (Pengenalan) | PDF. (n.d.). Scribd. Retrieved February 29, 2024, from <https://id.scribd.com/document/646845698/assignment-ethic-Pengenalan>
- Bennett, J. (2021). MAKING ART IN EARLY MODERN JAVA (16th-19th c.): A NEW READING.  
[https://digital.library.adelaide.edu.au/dspace/bitstream/2440/133630/1/Bennett2021\\_PhD.pdf](https://digital.library.adelaide.edu.au/dspace/bitstream/2440/133630/1/Bennett2021_PhD.pdf)
- Che, Y., Pengajian, P., Dan, A., Lanjutan, P., Moden, F., & Komunikasi, D. (2012). Analisis Kesilapan Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Oleh Pelajar

Asing. GEMA Online™ Journal of Language Studies, 667(2).  
[http://journalarticle.ukm.my/4937/1/pp%2520667\\_692.pdf](http://journalarticle.ukm.my/4937/1/pp%2520667_692.pdf)

DAFTAR PUSTAKA. (n.d.). Retrieved February 29, 2024, from  
[https://eprints.ums.ac.id/15028/5/9\\_Daftar\\_Pustaka.pdf](https://eprints.ums.ac.id/15028/5/9_Daftar_Pustaka.pdf)

Dewan Bahasa dan Pustaka. “Carian Umum.” Prpm.dbp.gov.my, 2005,  
[prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=muzium&d=102572&](http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=muzium&d=102572&). Accessed 15 Feb.  
2023.

Falk. (2011). The Museum Experience [Review of The Museum Experience].  
<https://www.taylorfrancis.com/Books/Mono/10.4324/9781315417899/Museum-Experience-John-Falk-Lynn-Dierking>.

Farid, A., Jalal, A., Yusuf, A., Faisal, A., Hamid, A., Affandi, R., Rahim, A., Muzium, K., Di, B., Sejarah, J., Islam, T., Islam, A., Kunci, K., Baru, M., Sejarah, A., Malaysia, M., & Kolonial, P. (2019). KESEDARAN MUZIUM BARU DI MALAYSIA AWARENESS OF NEW MUSEUMS IN MALAYSIA. *Malaysia*, 2, 93–111.  
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/download/21792/11087/47012>

George, T. (2021). An Introduction to Mixed Methods Research. Scribbr.  
<https://www.scribbr.com/methodology/mixed-methods-research/>

Hafizah. (2017). Punca identiti Melayu sukar diterapkan dalam seni bina. *Berita Harian*.  
<https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2017/08/308459/punca-identiti-melayu-sukar-diterapkan-dalam-seni-bina>

ICOM - Best International Music College / Music School In KL, Malaysia. (n.d.).  
Icom.edu.my. Retrieved February 29, 2024, from <https://icom.edu.my/>

Kaedah Pengumpulan Data Primer & Data Sekunder | PDF. (n.d.). Scribd.  
<https://www.scribd.com/doc/244337893/Kaedah-pengumpulan-data-primer-data-sekunder>

Jabatan Muzium Malaysia. “Permuziuman | Jabatan Muzium Malaysia.” Jmm.gov.my, 2016,  
[www.jmm.gov.my/ms/permuziuman](http://www.jmm.gov.my/ms/permuziuman).

Jangan asyik dengan media sosial, apa kata luangkan masa kunjungi 5 muzium di KL - Destinasi | mStar. (2022, April 7). [www.mstar.com.my](http://www.mstar.com.my).



- <https://www.mstar.com.my/travel/destinasi/2022/04/07/jangan-asyik-dengan-media-sosial-apa-kata-luangkan-masa-kunjungi-5-muzium-di-kl>
- Latifah. (2015, August 9). Strategi “pancing” pelajar kunjungi muzium. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/08/73386/strategi-pancing-pelajar-kunjungi-muzium>
- Lexy. (2007). metodologi penelitian kualitatif [Review of metodologi penelitian kualitatif]. <https://elib.unikom.ac.id/Download.php?Id=175876>.
- Mohd Islah. (2011). Bab 3 Metodologi Penyelidikan [Review of Bab 3 Metodologi Penyelidikan]. <http://studentsrepo.um.edu.my/3054/5/BAB3.Pdf>.
- Mustaffa, M., Mohd, S., & Senik, S. (n.d.). Penubuhan Muzium Sejarah Semulajadi di Malaysia: Isu dan Cabaran. Retrieved February 29, 2024, from <https://ir.uitm.edu.my/33446/1/33446.PDF>
- MyJurnal - Malaysian Citation Centre. (2023). Mohe.gov.my. <https://myjurnal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=81387>
- National Museum Kuala Lumpur Photos and Premium High Res Pictures - Getty Images. (n.d.). [www.gettyimages.com](http://www.gettyimages.com). Retrieved February 29, 2024, from <https://www.gettyimages.com/photos/national-museum-kuala-lumpur>
- Nancy. (2022). Jabatan Muzium sasar sejuta pengunjung, raih RM900 ribu tahun ini [Review of Jabatan Muzium sasar sejuta pengunjung, raih RM900 ribu tahun ini]. <https://www.tvsarawak.my/2022/07/08/Jabatan-Muzium-Sasar-Sejuta-Pengunjung-Raih-Rm900-Ribu-Tahun-Ini-Nancy/>.
- Nor Hidayah Binti Abas, and Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. “Peranan Galeri Sultan Azlan Shah Sebagai Pendidikan Tidak Formal.” Jurnal Wacana Sarjana, vol. 1, no. 1, 30 Dec. 2017, [spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/42/21](http://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/42/21).
- Perbadanan Adat Melayu & Warisan Negeri Selangor (PADAT) - Muzium Sultan Alam Shah. (n.d.). [www.padat.gov.my](http://www.padat.gov.my). Retrieved July 20, 2023, from <http://www.padat.gov.my/v2/index.php/my/muzium-selangor/13-muzium/19-muzium-sultan-alam-shah>

- Rujukan Creswell | PDF. (n.d.). Scribd. Retrieved February 29, 2024, from <https://id.scribd.com/document/395343859/Rujukan-Creswell>
- Sejarah Muzium Negara | Laman Web Muzium Negara. (n.d.). [Www.muziumnegara.gov.my](http://www.muziumnegara.gov.my). <https://www.muziumnegara.gov.my/ms/sejarah-muzium-negara>
- Sekaran. (2003). Penyelidikan Metodologi [Review of Penyelidikan Metodologi]. [https://Etd.uum.edu.my/5997/1/S814275\\_01.Pdf](https://Etd.uum.edu.my/5997/1/S814275_01.Pdf).
- Strategi “pancing” pelajar kunjungi muzium. (2015, August 9). Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/08/73386/strategi-pancing-pelajar-kunjungi-muzium>
- Subjek, P., Mohd, S., Bin, A., Yusof, M., My, M., Fateema, M., Mohd, S., Miti@jmm, Y., My, J., Malaysia, J., Damansara, & Abstrak, K. (n.d.). Muzium Sebagai Institusi Pendidikan Tidak Formal Dalam Pengajaran &. <http://www.jmm.gov.my/files/Muzium%20Sebagai%20Institusi%20Pendidikan%20Tidak%20Formal%20Dalam%20Pengajaran%20%26.pdf>
- TAHIR, M. I. I. (2023, February 14). Selangor bakal miliki lima muzium tahun depan. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/245137/edisi/selangor-kl/selangor-bakal-miliki-lima-muzium-tahun-depan>
- Tiga, B., Kajian, M., & Pengenalan, 1. (n.d.). [http://studentsrepo.um.edu.my/5187/4/bab\\_3.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5187/4/bab_3.pdf)
- Yusof, M. H. M., Ramli, Z., & Samsudin, M. (2021). UNSUR-UNSUR KEISLAMAN PADA MERIAM TRADISIONAL MELAYU (ISLAMIC ELEMENTS ON TRADITIONAL MALAY CANNONS). ASIAN JOURNAL of ENVIRONMENT, HISTORY and HERITAGE, 5(1). <https://spaj.ukm.my/ajehh/index.php/ajehh/article/view/164>
- Zaki, H. U. M. (2021, October 9). Muzium Negara bakal sedia pelbagai program untuk tarik pengunjung. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/764358/muzium-negara-bakal-sedia-pelbagai-program-untuk-tarik-pengunjung>
- Zaini, M., Sohaimi Esa, M., Mokhtar, S., Darmia, S., & Adam, S. (2022). JOURNAL OF TOURISM, HOSPITALITY AND ENVIRONMENT MANAGEMENT (JTHEM) PERKEMBANGAN INSTITUSI MUZIUM EROPAH DALAM

MEMPENGARUHI KEWUJUDAN MUZIUM DI MALAYSIA  
DEVELOPMENT OF EUROPEAN MUSEUM INSTITUTIONS IN  
AFFECTING THE EXISTENCE OF MUSEUMS IN MALAYSIA. 7(29), 260–  
280. <https://doi.org/10.35631/JTHEM.729018>

Zaini, M. S., Esa, M. S., Mokhtar, S., & Othman, I. W. (2022). BEHIND THE IDEA  
AND INFLUENCE OF MUSEOLOGY IN THE WORLD AND MALAYSIAN  
MUSEUM INSTITUTIONS. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment  
Management*, 7(30), 118–135. <https://doi.org/10.35631/jthem.730010>

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN